

Jilid III  
Bil. 24



Hari Isnin  
16hb Disember, 1985

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4581]

**USUL:**

Ucapan Takziah kepada Toh Puan Hajjah Saadiah dan Keluarganya  
[Ruangan 4618]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 4631]

MALAYSIA

## PARLIMEN KEENAM-DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

4577

16 DISEMBER 1985

4578

Yang Berhormat TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).  
„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).  
TUAN WONG YAU KET (Sabah).  
„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.  
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.  
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.  
Penyunting Kanan: P. B. Menon.  
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.  
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.  
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Suhor bin Husin.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Juliah binti Awam.  
Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Hassan.  
Shamsiah binti Mohd. Yusof.  
Hajjah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

**DEWAN NEGARA**

Isnin, 16hb Disember, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***D O A***(Tuan Yang Dipertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****IMPORT BERAS**

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar Kerajaan mengimport beras dari Negara Luar sebanyak 40% daripada keperluan Negara. Dengan mengimport beras daripada Negara lain menyebabkan ada petani-petani di Negara ini tidak tahu mengusahakan sawah-sawah mereka kerana hasil pendapatan daripada tanaman padi tidak memuaskan. Jika benar adakah Kerajaan bercadang menghentikan mengimport beras dari Negara asing.

**Timbalan Menteri Pertanian Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah import beras untuk keperluan negara adalah berbeza-beza dari tahun ke setahun bergantung kepada tahap pengeluaran beras yang dihasilkan oleh negara pada ketika itu. Pada masa-masa tertentu, jumlah import mungkin berkurangan kerana negara dapat menghasilkan pengeluaran yang tinggi disebabkan musim yang baik dan sebaliknya negara mengimport lebih sekiranya berlaku keadaan luar

biasa seperti musim kemarau, banjir, serangan penyakit-penyakit dan lain-lain.

Di masa yang lepas jumlah import beras untuk menampung keperluan negara adalah sebanyak 32% untuk tahun 1982, 35% (1983) dan 29% untuk tahun 1984.

Pengimportan beras tidak akan menjejaskan kedudukan penanam-penaman padi kerana harga padi dalam negara ditetapkan dan dikawal. Harga pasaran beras di dalam negara adalah lebih tinggi dibandingkan dengan harga di pasaran negara-negara jiran.

Memandangkan kos pengeluaran beras dalam negara kita adalah sangat tinggi dibandingkan dengan kos pengeluaran di negara lain, keperluan beras selebihnya akan diimport. Bagi menjamin keperluan negara pengimportan beras dari luar negeri akan diteruskan. Kuantum yang diimport oleh negara hanya cukup untuk memenuhi baki keperluan. Oleh itu para petani tidak perlu bimbang akan jumlah pengimportan yang dibuat.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tanaman padi di negara ini, khususnya bagi petani-petani di Perairan MUDA di negeri Kedah kerana Kerajaan hendak menjimatkan perbelanjaan. Oleh sebab pada satu masa yang lalu iaitu seorang Timbalan Menteri berkenaan telah menyatakan bahawa

lebih baik kita mengimport beras dari luar negeri untuk menguntungkan Kerajaan; tidak menggalakkan petani-petani menanam padi lebih banyak akan merugikan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya seorang Timbalan Menteri Pertanian yang mengatakan bahawa lebih baik mengimport beras untuk keuntungan negara.

Berkenaan dengan soalan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tanaman padi di negara ini, inginlah saya terangkan bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh Kerajaan dan disemak di peringkat pucuk pimpinan Kerajaan, sektor swasta menyumbang 54% kepada kos pengeluaran padi dan 46% dikeluarkan oleh penanam-penanam sendiri. Memandangkan bahawa pertama kos pengeluaran padi sangat tinggi dan kedua nilai padi dari segi keuntungan kepada penanam-penanam padi tidak begitu menggalakkan, Kerajaan sedang menyemak semula dasar padi dan pada ketika ini Kementerian Pertanian telah diarahkan supaya menggalakkan tanaman padi di mana ia boleh dijalankan dengan efficient dan dapat menjamin hasil yang baik, terutama sekali di kawasan Perairan MUDA yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Di luar kawasan-kawasan jelapang padi, petani-petani digalakkan menanam tanaman yang lain seperti kelapa sawit, koko, sayur-sayuran dan sebagainya mengikut kedudukan tanah, iklim dan sebagainya. Jadi dengan perkataan lain, Kerajaan akan terus menyokong tanaman padi di mana ia dapat dijalankan dengan efisien dan dapat menjamin hasil dan pendapatan yang memuaskan kepada petani kerana tujuan utama Kerajaan ialah menjaga taraf hidup petani

terutama sekali penanam-penanam padi yang kebanyakannya dari golongan miskin.

**Dato' Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa terdapat kegelisahan petani-petani iaitu khasnya penanam-penanam padi disebabkan ada penyakit, penyakit Yang Berhormat tidak sebut, barangkaji ulat serangga "bena perang", yang selalu sahaja melanda di kawasan-kawasan padi. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penyakit ini selalu datang ke Tanjung Karang khasnya di Sekinchan. Pernah di dalam Dewan ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sama mengatakan saya telah membangkitkan pada masa itu bahawa Kementeriannya akan mengarahkan pihak MARDI menyiasat jenis ulat yang bernama "bena perang" ini sama ada sudah dimusnahkan ataupun tidak dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada mengatakan kepada saya di luar Dewan, kita akan siasat, kita akan musnahkan ulat-ulat tersebut. Saya suka menyatakan bahawa kalau dapat Yang Berhormat beri penerangan sedikit sama ada ulat ini dapat dimusnahkan ataupun tidak.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sangat menghargai minat yang ditunjukkan kepada petani-petani Tanjung Karang oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya ingin menjelaskan bahawa serangan penyakit kepada tanaman padi atau jenis tanaman yang lain, tentulah tidak dapat dihapuskan dengan 100%. Tetapi di Tanjung Karang, kawasan Yang Berhormat sangat berminat, nampaknya keadaan penyakit adalah dalam kawalan dan pada satu masa yang saya melawat kawasan itu, hasil petani sangat baik.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau mengatakan bahawa walaupun kita import beras, harga padi tidak turun kerana harga itu terkawal oleh Kerajaan dan saya percaya harga itu dikawal melalui subsidi yang diberi oleh Kerajaan. Kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tujuan Kerajaan ialah untuk memelihara kepentingan petani padi yang miskin. Soalan saya ialah seperti berikut:

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan adanya sokongan Kerajaan terhadap harga padi, implikasinya ialah:

- (1) kos yang tinggi terpaksa dltanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi;
- (2) harga yang tinggi yang terpaksa dibayar oleh pengguna beras di seluruh negara kita; dan
- (3) adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum bahawa subsidi berbentuk sokongan harga akan memberi subsidi kepada setiap daripada pengeluar padi tidak kira miskin ataupun kaya, tidak kira sama ada ianya memiliki tanah yang kecil ataupun yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, subsidi padi membawa 3 implikasi yang saya sebutkan tadi. Dari segi membantu yang miskin, ianya salah arah tujuan, bahkan lebih luas kawasan padi seseorang maka lebih tinggi pengeluaran seseorang, maka lebih tinggi subsidi yang dirasai oleh orang tersebut; lebih kaya ia, maka lebih banyak subsidi ia merasai daripada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah pihak Kementerian sedar tentang perkara ini dan patutkah ianya mengkaji semula tentang soal subsidi dalam bentuk harga? Saya percaya

pihak Kementerian sedar tentang berbagai cara untuk memberi subsidi kepada mereka yang benar-benar berhak menerima subsidi daripada Kerajaan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sedar atas implikasi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan itulah sebabnya dasar beras ini dikaji semula bukan sahaja di peringkat Kementerian, tetapi juga di peringkat Jemaah Menteri dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dalam kesedaran Kerajaan.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sama ada kedudukan import beras iaitu 32% bagi tahun 1982, 35% bagi tahun 1983 dan 29% bagi tahun 1984 adakah cara ini selaras dan juga mengikut kehendak-kehendak Dasar Pertanian Negara?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah selaras dengan Dasar Pertanian Negara walaupun dalam Dasar Pertanian Negara itu target 85% keperluan negara disebutkan tetapi ini cuma satu panduan sahaja dan seperti saya katakan tadi, pengeluaran padi itu bergantung kepada beberapa faktor seperti musim, iklim dan sebagainya.

#### KURSUS KEMAHIRAN KEPADA PEKERJA KILANG WANITA

2. **Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Buruh menyatakan adakah wanita-wanita yang bekerja di kilang-kilang diberi kursus kemahiran dalam bidang yang mereka bertugas. Adakah benar jika pekerja-pekerja wanita yang tidak mempunyai kemahiran khusus dalam satu-satu bidang mereka dengan mudahnya diberhentikan kerja.



**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan dari pekerja-pekerja wanita yang bekerja di kilang-kilang adalah bekerja dalam bidang-bidang pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Sebahagian besar kilang-kilang tersebut mengambil wanita untuk bekerja sebagai Operator Pengeluaran, Pembungkus, dan jika di kilang tekstil sebagai Pemintal, Pelilit, Penenun dan sebagainya. Bagi pekerja-pekerja ini lazimnya kilang-kilang yang berkenaan akan mengadakan latihan yang cukup, biasanya bagi tempoh pendek antara 2 minggu hingga sebulan.

Berdasarkan penyiasatan oleh Kementerian saya, apabila bertindak untuk mengurangkan tenaga kerja, kilang-kilang tidaklah membezakan di antara pekerja-pekerja dari segi kemahiran ataupun jantina. Pekerja-pekerja yang telah diberi latihan juga ramai diberhentikan dan keputusan ini lebih bergantung kepada keperluan satu-satu jenis tenaga kerja itu dan juga berdasarkan kepada prinsip "first in last out", dengan izin.

### JALAN RAYA DI PEKAN KAMPAR - MEMPERBAIKI

**3. Tuan Mohd. Yusoff bin Kasim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan raya di Pekan Kampar adalah dalam keadaan mendukacitakan dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, jalan raya utama Persekutuan yang melalui Pekan Kampar baru-baru ini telah pun dibarumuka, atau, dengan izin, resurfaced dan oleh itu keadaannya adalah baik dan memuaskan.

Mengenai jalan-jalan raya lain di Pekan Kampar, jalan-jalan raya itu adalah jalan-jalan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri yang mana Menteri Kerjaraya tidak ada apa-apa kuasa untuk memperbaiki atau menukar keadaan yang sedia ada.

**Tuan Mohd. Nor bin Bedah:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan saya ini tidak lari daripada soalan asal sebab saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kedudukan jalan raya di negeri Perak juga, walaupun tidak di Kampar. Sekarang ini bila kita lalu daripada utara melalui pekan Salak Baru, sebelum sampai ke Sungai Siput, kita akan berjumpa dengan satu "traffic light" iaitu jalan "one-way". Saya ingat Yang Berhormat tahu apa yang saya hendak tanya ini. Kedudukan lorong satu jalan ini, saya rasa semenjak merdeka lagi hingga sekarang, jalan seperti ini tidak ada di tempat lain cuma di tempat ini sahaja di negara kita ini. Tidakkah terfikir daripada Yang Berhormat sendiri sebagai orang Perak untuk memperbesarkan jalan ini supaya tidak payahlah kita bila hendak lalu, sebelah masuk sebelah kena berhenti dan sebagainya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jalan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah dalam kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri. (*Ketawa*) Walaupun Yang Berhormat Menteri ada kuasa untuk menukar keadaan itu, tetapi saya tidak berbuat demikian, sebab tidak mahu Ahli-ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa Menteri boleh memainkan wang Kerajaan dalam kawasan beliau sendiri. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, ini ada dalam timbangan sekarang.

Timbangan yang pertama, kita membuat satu jalan ke Kantan iaitu keadaannya seperti apa yang kita

nampak di Jambatan Keretapi Tanah Melayu ke Salak Utara itu. Saya harap pada masa depan apabila kita mengadakan lebuh raya besar dari Kuala Kangsar ke Ipoh, barulah kita akan memperbaiki keadaan itu.

#### HARGA GETAH MEROSOT

4. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada:

- (a) beliau sedar oleh kerana kemerosotan harga getah yang berlarutan banyak pekebun-pekebun kecil mula menukar tanaman mereka ke kelapa sawit;
- (b) Kementerian beliau akan terus menggalakkan mereka membuat demikian.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa akibat kemerosotan harga getah sejak kebelakangan ini pekebun-pekebun kecil dan estet telah menukar kepada lain-lain tanaman yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit dan koko.

Mengenai sama ada Kerajaan akan terus menggalakkan pekebun-pekebun kecil menukar tanaman mereka kepada kelapa sawit, sukaiah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak sepatutnya menahan mereka berbuat demikian jika keputusan itu memberi kebaikan kepada mereka. Dalam membuat keputusan itu, beberapa faktor perlu dtambil kira termasuk pendapatan dan pulangan dari jenis-jenis tanaman tersebut serta kesesuaian tanah dan iklim. Pertumbuhan yang seimbang dalam sektor pertanian melalui pelbagai tanaman perlu juga dititik beratkan bagi menentukan perkembangan yang sihat terhadap sektor ini di masa hadapan supaya ekonomi negara tidak

hanya bergantung kepada hasil dari satu atau dua sumber bahan utama sahaja.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu memandangkan harga kelapa sawit juga terus jatuh, apakah tanaman-tanaman lain yang pekebun-pekebun kecil boleh bergantung untuk masa depan? Adakah lain "cash-crops" atau lain-lain tanaman boleh mendapat keuntungan kepada petani-petani negara kita. Adakah advice daripada Kementerian kita.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, ada. Contohnya koko.

#### KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA

5. **Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian telah berpuas hati dengan pencapaian kempen Keselamatan Jalanraya yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya setakat ini memandangkan bertambahnya kes-kes kemalangan di jalan raya. Jika belum apakah langkah berkesan yang sedang diatur dan dirancangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab semua pengguna jalan raya dan kemalangan jalan raya dapat dielakkan sekiranya semua pihak, khususnya pengguna-pengguna jalan raya sama-sama berusaha dengan lebih serius untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam kemalangan jalanraya. Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Kementerian Pengangkutan masih belum berpuas hati dengan pencapaian kempen Keselamatan Jalanraya yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya setakat ini. Namun begitu, tertakluk kepada beberapa kemudahan yang terhad, adalah sukar untuk mengukur pencapaian kempen-kempen berkaitan berasaskan kepada pertambahan kes-kes kemalangan jalanraya.

#### PEGAWAI PERUBATAN

**6. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan para doktor yang sedang bertugas di bawah Kementerianya, dan di antara mereka berapa;

- (i) bilangan doktor yang dipinjam dari negara sahabat; dan
- (ii) bilangan doktor bumiputera.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan adalah seramai 2,387 orang. Daripada jumlah ini terdapat 200 orang Pegawai-pegawai Perubatan dari negara-negara sahabat yang berkhidmat secara kontrak. Bilangan Pegawai Perubatan bumiputera berjumlah 944 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Tan Cheng Soong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke7.

#### PERHUBUNGAN PERDAGANGAN MALAYSIA-UNITED KINGDOM

**7. Tuan Tan Cheng Soong (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan sama ada perhubungan perdagangan antara United Kingdom dan Malaysia bertambah baik selepas Kempen boikot Membeli Barang-barang British dilancarkan oleh negara kita dan apakah kesan-kesan yang lain akibat daripada kempen ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, kesan kempen tidak menggalakkan membeli barang-barang British atau, dengan izin, "buy British last" dari segi perdagangan tidak dapat dilihat dengan nyata memandangkan kempen tersebut adalah terhad kepada perolehan, dengan izin, "procurement" dan juga tawaran tender antarabangsa Kerajaan Malaysia sahaja. Jumlah perdagangan dua hala Malaysia dan United Kingdom terus berkembang walaupun secara marginal iaitu dari \$1,957.3 juta pada tahun 1982 apabila kempen tersebut bergerak ke \$2,182 juta pada tahun 1984. Walaupun Malaysia masih mengalami kekurangan perdagangan dengan United Kingdom, jumlah kurangan tersebut telah bertambah baik dari \$412.7 juta pada tahun 1982 kepada \$192.6 juta pada tahun 1984.

Eksport Malaysia ke United Kingdom telah meningkat dari \$772.3 juta pada tahun 1982 kepada \$994.7 juta pada tahun 1984. Manakala import Malaysia dari United Kingdom pula berada dalam keadaan "constant" sejak tahun 1982 di mana jumlahnya adalah \$1,185 juta pada tahun 1982 dan \$1,187.3 juta pada tahun 1984.

Rombongan perdagangan yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Lord Carrington, Setiausaha Negeri bagi Komanwel dan Hal Ehwil Luar Negeri tahun 1982, rombongan perdagangan yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Lord Jelico, Pengerusi, British Overseas Trade

Board, tahun 1983; rombongan perdagangan yang diketuai oleh Encik Kanneth Backer, Menteri Negeri bagi Industri dan Teknologi Penerangan 1984 dan rombongan perdagangan yang diketuai oleh Paul Shennon, Menteri Negeri bagi Perdagangan, tahun 1985 merupakan usaha-usaha untuk hendak merapatkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

#### **SYARIKAT INSURANS KERETA-PERKHIDMATAN**

**8. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada Syarikat-syarikat Insurans Kereta gagal memberikan khidmatnya kepada penginsuran-penginsuran. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik);** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat sebilangan kecil syarikat-syarikat yang mengendalikan insurans motor gagal memberi khidmat yang memuaskan kepada pemegang polisi atau orang awam.

Untuk menentukan orang ramai mendapat perkhidmatan yang memuaskan, satu unit khas telah diwujudkan di Bahagian Insurans, Kementerian Kewangan untuk mengendalikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai terhadap syarikat-syarikat insurans. Orang-orang awam yang mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan insurans adalah diminta supaya berhubung dengan Bahagian Insurans, Kementerian Kewangan ini. Di samping itu, mulai 1hb November, tahun ini satu langkah baru telah diambil dengan menubuhkan satu unit khas di dalam Persatuan Insurans Am Malaysia, iaitu sebuah badan yang mewakili kesemua syarikat-syarikat insurans am untuk mengendalikan

aduan-aduan yang diterima dari orang ramai berhubung dengan tuntutan insurans. Unit khas ini akan dianggotai oleh seorang wakil dari Bahagian Insurans, Kementerian Kewangan.

#### **KURSUS "A" LEVEL- PERBELANJAAN**

**9. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membolehkan penuntut-penuntut kita mengambil A-Level di luar negeri dan nyatakan sama ada beliau akan menggalakkan peperiksaan ini dibuat di negara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis);** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan bagi seseorang pelajar yang mengikuti kursus "A" Level di luar negeri ialah lebih kurang \$35,000 untuk keseluruhan tempoh kursus, iaitu selama dua tahun dan setakat ini Kerajaan belum lagi mencadangkan untuk mengadakan peperiksaan itu dalam negeri.

#### **RISDA-PROGRAM PERTANIAN BERSEPADU**

**10. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada RISDA mempunyai program dan berupaya dari segi komitmen, kepakaran, tenaga kerja dan kewangan untuk melaksanakan program pertanian bersepadu di sektor pekebun kecil getah di seluruh Malaysia.

**Puan Hajjah Rahmah bin Othman;** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak RISDA memang mempunyai Program Pertanian Bersepadu di sektor

pekebun kecil di seluruh Malaysia yang dilaksanakan melalui Sistem Perkebunan Bersepadu (SEPERDU) di mana pekebun kecil dibimbing untuk mengembeling sepenuhnya sumber tenaga, modal, tanah dan pengetahuan seisi keluarga untuk mengusahakan kebun dengan pelbagai jenis kegiatan pertanian selain daripada tanaman getah. Saya yakin bahawa pihak RISDA juga berupaya dari segi komitmen, kepakaran, tenaga kerja dan kewangan untuk melaksanakan program tersebut.

#### DASAR PERTANIAN NEGARA

**11. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini dapat mengenalpasti aspek-aspek yang menghalang pelaksanaan Dasar Pertanian Negara dan berapa peratuskah yang dapat dilaksanakan mengikut program yang dirancang.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun lepas. Sebagai tindakan susulan, semua Kementerian yang berkaitan dengan perancangan pertanian telah pun menyediakan laporan mengenai strategi dan program-program masing-masing bagi pelaksanaan dasar tersebut. Laporan ini akan digunakan sebagai asas oleh Kementerian berkenaan bagi pelaksanaan program-program pembangunan pertanian di masa-masa yang akan datang. Rancangan Malaysia Kelima merupakan tahap bagi pelaksanaan Dasar Pertanian Negara di mana dasar tersebut akan dilaksanakan secara lebih menyeluruh lagi. Oleh yang demikian, adalah terlalu awal untuk menilai kejayaan dan kekesan dasar tersebut mengikut program yang dirancang.

#### PASUKAN BOMBA SUKARELA-PENUBUHAN

**12. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan Kerajaan supaya satu pasukan bomba sukarela dapat ditubuhkan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk membantu Jabatan Bomba memadamkan api yang pada masa ini menjadi satu bahaya yang serius kepada penduduk-penduduk negara kita.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya menyatakan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sentiasa menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Gotong-royong di seluruh negara, terutama di-kawasan-kawasan yang berkedudukan jauh dari Balai Bomba seperti di luar Bandar.

Penubuhan Pasukan Bomba Gotong-royong sudah pun lama bermula di negara kita dengan bantuan latihan dari Jabatan Bomba dan pada masa ini ada 43 buah pasukan kesemuanya di pekan-pekan kecil. Selain daripada itu, banyak kilang-kilang yang telah mempunyai unit-unit pemadam apinya sendiri atas gesaan dari Jabatan Bomba. Sebagai contoh, di Pulau Pinang telah ada 32 unit dan di Selangor ada 33 unit.

Untuk menentukan kesemua Pasukan Bomba Gotong-royong adalah berjalan dengan baik, Jabatan Bomba telah pun menyusun sebuah buku panduan dan adalah diharapkan lebih banyak lagi Pasukan Bomba Gotong-royong ditubuhkan oleh penduduk-penduduk di luar bandar sendiri demi keselamatan mereka juga.

#### EKSPLOITASI PENGGUNA

**13. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menjamin kepentingan para pengguna dapat ditingkatkan memandangkan berbagai eksploitasi yang merugikan berlaku dalam industri-industri pengeluaran dan penjualan makanan, muzik, hartanah dan perumahan dan pengiklanan; dan
- (b) jika kepentingan pengguna tidak dapat dilindung dengan berkesan dan memuaskan, tidakkah ini memburukkan keadaan dan mencabar penswastaan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang jelas apakah yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat tentang eksploitasi pengguna yang berlaku dalam industri pengeluaran dan penjualan makanan, muzik, hartanah dan perumahan serta pengiklanan. Negara kita mempunyai pelbagai undang-undang dan peraturan yang digubal untuk melindungi kepentingan pengguna. Walau bagaimanapun, kekesan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan ini juga bergantung kepada kerjasama yang dapat diberikan oleh pengguna-pengguna kepada badan-badan yang mentadbir undang-undang dan peraturan-peraturan ini. Adalah penting bagi pengguna-pengguna bukan sahaja melapor kepada pihak yang berkuasa tentang kegiatan-kegiatan eksploitasi ini, tetapi juga bersikap memilih apabila membeli barang-barang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha untuk meningkatkan kewaspadaan pengguna-pengguna terhadap kegiatan-kegiatan eksploitasi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada menjalankan

ceramah-ceramah kepada pengguna-pengguna, khasnya pengguna-pengguna luar bandar tentang hak-hak mereka dan betapa perlunya mereka meningkatkan paras kawal diri mereka. Usaha-usaha ini akan diteruskan dan ditingkatkan dengan kerjasama Jabatan Kerajaan, sektor swasta dan beberapa persatuan pengguna. Dalam pada itu, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan iaitu satu badan penasihat yang dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menasihati beliau tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan pengguna, sentiasa membincangkan isu-isu yang menyentuh kepentingan pengguna,

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu sudah melingkupi apa yang saya kehendaki (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada soalan tambahan.

#### LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

14. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pelaksanaan pada peringkat ini, yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara bagi mencapai matlamat Dasar 70 juta rakyat negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah menyusun semula dan mengemaskinikan semua program dan aktiviti supaya dasar 70 juta penduduk dapat dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Kini bidang

tugas LPPKN adalah merangkumi aspek-aspek seperti kependudukan, reproduksi manusia dan pembangunan keluarga.

Dalam bidang kependudukan, sebuah Jawatankuasa Penasihat Penduduk telah ditubuhkan untuk mengawasi pertumbuhan penduduk supaya matlamat 70 juta penduduk dapat dicapai dan juga untuk mempertingkat lagi penyelidikan serta memproses data tentang penduduk.

Peranan LPPKN dalam bidang reproduksi manusia juga telah diperluaskan meliputi aspek-aspek kesuburan, kemandulan, perancang keluarga dan kesihatan keluarga. Rawatan serta rundingcara mengenai kesuburan, kemandulan, kebakaan dan penzuriatan dan pengesanan barah wanita telah dimulakan. Di samping itu, perkhidmatan perkembangan keluarga juga masih diteruskan kerana perkhidmatan ini adalah perlu supaya aliran kadar kesuburan yang telah ditetapkan ke arah matlamat 70 juta tercapai mengikut jadual.

Buat masa ini LPPKN dengan kerjasama Kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak swasta sedang giat merangka satu garis panduan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan keluarga secara bersepadu.

Sebuah projek printis iaitu Pusat Perkembangan Kanak-kanak yang dipanggil "PELITA" telah ditubuhkan oleh LPPKN khusus untuk anak-anak kakitangannya di bawah umur 5 tahun di mana aktiviti yang dijalankan adalah meliputi ransangan untuk perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak selain daripada memberi asuhan. Jika projek ini berjaya, ianya boleh dijadikan sebagai contoh kepada agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berminat untuk mencubanya. Sementara itu, LPPKN juga menerbitkan beberapa

penerbitan seperti Buletin Keluarga, Buletin Penduduk, Journal Reproduksi, Medical Update, beberapa buku-buku kecil dan juga filem-filem video untuk diedarkan sebagai panduan kepada orang ramai.

#### MURID-MURID PONTENG SEKOLAH

15. **Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bilangan murid-murid sekolah khususnya murid-murid Sekolah Menengah terutama di kawasan bandar yang ponteng sekolah dan tempat murid-murid ini menghabiskan masa mereka ialah di pusat-pusat hiburan yang diadakan di kompleks beli-belah yang terdapat dengan banyaknya hari ini. Sudahkah Kementerian Pelajaran mengambil tindakan supaya pusat-pusat hiburan seperti itu ditutup sahaja.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar terdapat sebilangan kecil murid-murid yang ponteng sekolah, khususnya murid-murid sekolah menengah di kawasan bandar, dengan menghabiskan masa mereka di pusat-pusat hiburan yang terdapat di kompleks membeli-belah. Perkara ini adalah dipandang berat oleh Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran tidak mempunyai kuasa ke atas pusat-pusat hiburan yang terdapat di kompleks membeli-belah itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mengharapkan kerjasama dan sokongan dari ibubapa, orang ramai dan tuan-tuan punya pusat hiburan di kompleks membeli-belah untuk sama-sama mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini telah ada di dalam perhatian serta kajian pihak Kementerian, saya ingin

bertanya apakah punca-punca dan faktor yang murid-murid terutama di bandar-bandar yang telah menyebabkan mereka seolah-olah, dengan izin, frust dengan matapelajaran sehingga menyebabkan mereka itu lebih suka ponteng di tempat-tempat hiburan seperti ini. Adakah pihak Kementerian di dalam pemerhatian itu mendapati sesuatu faktor yang boleh disampaikan maklumat untuk pertimbangan dan kajian serta tindakan daripada ibubapa?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi ialah kita memandang berat tetapi tidaklah saya memperkatakan bahawa kita membuat kajian. Kita memang membuat kajian dari kaca mata Kementerian Pelajaran sendiri, tetapi pada keseluruhannya kita juga ada membuat perhatian terhadap perkara ini. Tetapi oleh kerana perkara ini bukanlah jatuh di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran, maka kita mengharapakan kerjasama dari semua pihak. Namun demikian, saya juga tidak berapa setuju mengatakan bahawa pelajar-pelajar ini keluar dan menghiburkan diri di pusat-pusat membeli-belah disebabkan mereka itu bosan dengan matapelajaran, banyak faktor-faktor yang harus kita ambilkira dalam kita melahirkan perasaan kita ataupun mempertimbangkan akan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini di kalangan pelajar-pelajar.

Kita juga harus menyedari bahawa ibubapa juga harus bertanggungjawab terhadap aktiviti anak-anak mereka dan memastikan sama ada anak-anak mereka itu yang datang ke sekolah, betul-betul datang ke sekolah atau tidak, ataupun mereka itu pergi ke pusat membeli-belah dan begitu jugalah pusat-pusat membeli-belah yang saya katakan tadi, tidak ada kuasa ke atas mereka dan mereka juga

harus memberi kerjasama kepada mereka. Namun demikian, pihak Kementerian Pelajaran sememangnya sentiasa memberi perhatian terhadap sama ada matapelajaran-matapelajaran yang diajar itu membosankan dan sebagainya atau tidak, tetapi saya penuh yakin dengan perubahan-perubahan yang ada dibuat oleh kita. Kita yakin bahawa dari segi keseluruhannya matapelajaran yang kita beri tidaklah mendatangkan kebosanan kepada pelajar-pelajar. Namun demikian, saya ingin berseru kepada semua pihak termasuk juga Ahli Yang Berhormat, sama-sama kita memberi kerjasama supaya dapat perkara ini kita selesaikan bersama.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar tentang kuasa-kuasa tertentu yang ada pada Kementerian Pelajaran, tetapi saya ingin memberi maklumat tambahan tentang soalan saya yang terdahulu iaitu kalau kita perhatikan kejadian-kejadian ponteng ini iaitu di dalam masa selepas sesuatu peperiksaan, umpamanya peperiksaan SRP yang diadakan di dalam awal bulan Oktober. Bererti penuntut-penuntut SRP ini mempunyai masa lebih kurang satu bulan sebelum sampai kepada tarikh cuti akhir tahun iaitu pada 15hb November. Sebulan masa ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kementerian Pelajaran tidak mahu untuk mengadakan satu peraturan supaya penuntut-penuntut yang sudah periksa ini terus balik sahaja, jangan masuk sekolah lagi kerana guru-guru pun tidak memberi pelajaran lagi kepada murid-murid itu dan murid-murid itu pula apa mereka hendak buat di sekolah selama satu bulan. Satu bulan kali berapa jam satu hari, ini bosan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah pihak Kementerian Pelajaran mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya kerana kalau murid-murid itu di sekolah asrama



penuh, satu bulan makan percuma, sedangkan kita perlukan penjimatan wang. Inilah maksud saya supaya Kementerian Pelajaran membuat satu kajian yang teliti dalam perkara ini supaya murid-murid tidak membuang masa dan perbelanjaan dapat dijimatkan, imej, maruah kanak-kanak sekolah ini yang ponteng di pasaraya-pasaraya yang menjadi suatu keburukan kepada pandangan umum. Adakah Kementerian Pelajaran ingin berbuat sesuatu terhadap perkara ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Senator. Perlu saya ingatkan juga kepada saya sendiri dan kepada Yang Berhormat Tuan Senator bahawa yang ponteng sekolah, yang pergi ke pusat membeli-belah bukan hanya daripada golongan mereka yang lepas peperiksaan SRP: ada juga yang masih belajar di kelas-kelas pun, ada juga yang selepas menduduki peperiksaan SPM dan sebagainya. Namun demikian, kalaulah sekiranya seluruh yang terlibat dalam aktiviti seperti ini ialah daripada mereka yang telah habis menduduki SRP, maka kita sentiasa membuat kajian dan kita sekarang menahankan mereka dalam sekolah kerana itulah syarat dan peraturan-peraturan yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berusaha untuk memperlihatkan akan kekesanan ini dan insya Allah mungkin, walaupun saya tak dapat beri jaminan. Tetapi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu insya Allah kita akan lihat dan kaji sama ada ada kemungkinan untuk melaksanakan atau tidak.

**Tuan Haji Mohamed bin Yahya:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, setakat manakah mendapat laporan daripada orang ramai berhubung dengan

penuntut-penuntut yang ponteng sekolah setakat ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak sekolah-sekolah, bagi pihak Kementerian Pelajaran, bagi pihak Jabatan Pelajaran kita memang ada rekod. Kalau pelajar itu tidak datang ke sekolah memang kita tahu yang mereka itu tak hadir dan tiap-tiap bilik darjah itu, guru darjah ada mempunyai register ataupun buku daftaran hari-harian, jadi kita tahu.

Dari segi menentukan sama ada mereka itu di tempat membeli-belah ataupun pergi berkelah ataupun pergi ke mana-mana tempat pun, tak dapat kita pastikan kerana ini bergantung kepada maklumat yang diberi oleh anggota masyarakat, pihak ibubapa dan sebagainya.

#### **TOL LEBUHRAYA SENAI**

16. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Kerjaraya menyatakan semenjak tol Lebuhraya Senai dimulakan pada 2-11-1985 berapakah pungutan wang bayaran tol diperolehi pada tiap-tiap hari.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak Plaza Tol Senai dibuka pada 2hb November, 1985 sehingga 30hb November, 1985 purata harian kutipan di lebuhraya Senai ialah sebanyak \$13,000 sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shuib bin Lazim.

**Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan Nombor 17.

#### **BALAI BOMBA-PENSWASTAAN**

17. **Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan menswastakan Balai Bomba.

**Dato S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pengswastaan beberapa aspek Perkhidmatan Bomba seperti penyelenggaraan alat pemadam api, ujian sistem-sistem kebombaian dalam bangunan dan mungkin latihan kebombaian bagi pegawai-pegawai keselamatan di bangunan tinggi dan juga bomba swasta di kilang-kilang sedang dikaji oleh Kementerian saya.

#### INSURANS TAKAFUL KEPADA BUMIPUTERA

18. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai insurans takaful tidakkah Kerajaan berhasrat untuk memberi peluang bagi syarikat-syarikat Bumiputera dan lain-lain untuk mengendalikan insurans takaful.

**Dato' Sabaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera dan lain-lain syarikat untuk mengendalikan perniagaan takaful. Kerajaan sebagai permulaan hanya melesenkan satu sahaja syarikat takaful kerana konsep dan kaedah takaful adalah perkara yang baru dan Kerajaan ingin menentukan kejayaan perlaksanaannya sebelum peluang diberi kepada pihak-pihak yang lain.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, apakah Kerajaan tidak yakin terhadap kejayaan syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh bumiputera untuk menjalankan insurans takaful ini sehingga terpaksa dikendalikan oleh Kerajaan sendiri. Bilakah barangkali takaful ini boleh

dikendalikan oleh syarikat-syarikat yang dimaksudkan untuk menceburkan diri.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada mengatakan Kerajaan yang mengendalikan syarikat takaful ini; saya katakan Kerajaan sebagai permulaan hanya melesenkan satu syarikat takaful sahaja. Syarikat takaful ini, nama sebenarnya Syarikat Takaful (M) Sdn. Bhd, dipegang sahamnya oleh Bank Islam, oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri, Perbadanan-perbadanan Islam Negeri dan sebagainya. Jadi oleh sebab ini baru dan kita belum tahu lagi keadaan kerana ianya baru menjalankan perniagaan dan hanya beberapa cawangan sebagai telah dipohon untuk dibuka maka kita belum tahu lagi atasi perniagaannya. Bukan ertinya Kerajaan tidak percaya kepada syarikat ini.

#### PEKERJA BANGLADESH

19. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perjanjian dan dasar Kerajaan mengenai pekerja-pekerja Bangladesh berikutan dengan lawatan Presiden Bangladesh ke Malaysia baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak menandatangani sebarang perjanjian mengenai kemasukan pekerja-pekerja dari Bangladesh.

Pada dasarnya Kerajaan bersetuju membenarkan kemasukan pekerja-pekerja Bangladesh untuk bekerja di sektor perladangan di Malaysia. Walau bagaimanapun perlulah saya menegaskan di sini, kemasukan mereka itu hanyalah di atas permintaan majikan Malaysia setelah ianya di luluskan oleh Urusetia Pengambilan Buruh Asing sahaja.

### ROMPAKAN BERSENJATA DI LAHAD DATU

20. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana serangan yang dibuat oleh perompak-perompak asing di Lahad Datu pada 23hb September yang lalu boleh berlaku tanpa pengetahuan dan tentangan daripada pasukan-pasukan keselamatan Malaysia.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, jika pasukan-pasukan keselamatan Malaysia mengetahui bahawa suatu rompakan akan berlaku di Lahad Datu, maka sudah tentu langkah-langkah berjaga akan diambil dan rompakan tersebut pasti tidak akan berlaku.

Perompak-perompak tersebut telah ditentang oleh anggota-anggota Polis Lahad Datu semasa rompakan itu berlaku dan perompak-perompak tersebut telah dikejar. Dalam suatu pertempuran di laut, pihak Polis telah berjaya meneggelamkan sebuah bot dan menawan sebuah bot lagi manakala lima orang perompak ditembak mati.

Keadaan alam semula jadi sebahagian besar pantai timur Sabah menyebabkan kawasan tersebut agak sukar untuk dikawal dengan sungguh berkesan. Sebahagian kecil daripada penduduk pantai timur Sabah masih terus menjalin hubungan kebudayaan kekeluargaan dan perdagangan dengan penduduk-penduduk dari selatan Filipina. Ini telah menjadikan kawasan tersebut termasuk Lahad Datu selalu dikunjungi oleh para pendatang dari Selatan Filipina yang berulang alik di antara Sabah dan tempat asal mereka sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri

Dalam Negeri memberitahu iaitu apakah jenis senjata yang digunakan oleh perompak-perompak asing di Lahad Datu itu dan ramai bilangan orang yang cedera dan terkorban akibat rompakan-rompakan tersebut.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang berlaku di Lahad Datu masih lagi dalam siasatan pihak Polis dan walaupun terdapat beberapa jenis senjata yang telah digunakan oleh perompak-perompak tersebut, saya tidaklah dapat sekarang ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu dengan tepatnya.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa perompak-perompak itu mendarat di mana Polis Laut waktu itu sedangkan kapal marin Polis ada dilihat di Lahad Datu tetapi tidak ada seorang Polis pun di dalam kapal itu. Ke mana mereka pergi. Dan selepas perompak-perompak ini telah mendarat dan masuk ke Chartered Bank dan menembak seorang pegawai wanita, seorang kakitangan Jabatan Penerangan dan beberapa jam kemudian, di mana Polis waktu itu di Lahad Datu; sehinggakan mereka dapat menguasai Lahad Datu dalam beberapa jam. Jadi soalan saya di manakah Polis Malaysia waktu itu?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah terdapat satu pengkalan kapal untuk Polis Marine di Lahad Datu dan ketika rompakan itu berlaku, pihak Polis ataupun Marine Police berada di dalam base mereka, sebab itulah ini memberi peluang kepada mereka untuk mengejar perompak-perompak tersebut walaupun kita terpaksa meminta bantuan daripada pasukan Polis Marine yang berhampiran.

Saya menafikan bahawa mereka berada berjam-jam. di situ, rombongan yang berlaku adalah mengambil masa tidak lebih daripada setengah jam. Sepertimana yang telah saya terangkan kita telah mengejar perompak-perompak tersebut dan berjaya merampas sebuah bot dan menggelamkan bot yang satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi.

**Tuan Tan Chang Soong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 21.

#### SISTEM PERLESENAN IMPORT (AP)-MEMBATALKAN

**21. Tjian Tan Chang Soong (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan membatalkan A.P. dalam perniagaan dengan negeri China untuk kebaikan kedua-dua pihak.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membatalkan Sistem Perlesenan Import bagi import barang-barang yang berasal dari Republik Rakyat China. Tujuan kita mengenakan peraturan ini adalah untuk menentukan perdagangan di antara kedua negara berjalan secara terus (direct) tanpa melalui pihak ketiga. Peraturan ini didapati menghasilkan tujuan utama kita.

#### PERSIDANGAN PARLIMEN DI KANADA

**22. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkaitan dengan kehadiran Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B. Encik Muhyiddin Yassin ke Persidangan Parlimen Komanwel (CPA) di Canada baru-baru ini dalam

bidang perdagangan dan pertanian, apakah keputusan persidangan itu dari segi menambahkan lagi pelaburan di Malaysia dalam bidang Perdagangan dan Perindustrian.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen yang telah diadakan di Saskatchewan, Kanada itu tidak membincangkan perkara-perkara yang khusus mengenai pelaburan di negara-negara anggota Komanwel. Walau bagaimanapun, Persidangan ini mengambit maklum tentang perlunya kerjasama yang lebih rapat di kalangan negara-negara anggota Komanwel dalam usaha mempertingkatkan aliran perdagangan dan peluang-peluang ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti tahun-tahun yang lepas, tujuan Persidangan itu diadakan ialah untuk mengadakan forum di mana Ahli-ahli Parlimen dari seluruh Komanwel dapat bertukar-tukar pendapat dan membincangkan isu-isu kepentingan bersama. Antara perkara-perkara utama yang telah dibincangkan dalam Persidangan di Saskatchewan termasuklah:

- (i) Perhubungan dengan Afrika Selatan di bidang sukan;
- (ii) Penggubalan strategi bersama dan tindakan untuk membenteraskan penyalahgunaan dadah; dan
- (iii) Pengawasan ke atas perkembangan dalam bidang pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

Lain-lain perkara yang dibincangkan termasuk:

- (i) Kebebasan pergerakan penuntut dan ahli akademik di

kalangan negara-negara Komanwel; dan

- (ii) Peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen sebagai penggubal undang-undang.

#### KAKITANGAN JKR MALAS

23. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan tentang kenyataannya baru-baru ini bahawa 75 peratus kakitangan JKR adalah malas; dan nyatakan jumlah kakitangan berkenaan yang malas itu mengikut jawatan masing-masing; serta adakah beliau telah mengambil langkah bagi merajinkan mereka.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama seperti soalan yang dikemukakan pada 13hb Disember, 1985. Sebagaimana yang telah saya sebutkan kenyataan saya yang tersiar dalam akhbar baru-baru ini adalah mengenai satu kumpulan kakitangan yang tertentu sahaja yang tidak mencapai tahap atau standard yang ditetapkan oleh saya sendiri. Kementerian saya sentiasa mengikuti kemajuan pekerja-pekerja dan dari masa ke semasa tindakan tatatertib diambil terhadap mereka yang melanggar peraturan dan engkar mengikut nasihat dan teguran.

Sebagai Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1983 sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak 176 kes tatatertib telah diambil dan dari jumlah ini seramai 81 orang telah dibuang kerja. Sementara itu tiap-tiap pegawai dan kakitangan sentiasa diperingatkan supaya mengubah sikap dan menanam nilai-nilai positif terhadap kerja-kerja yang mereka lakukan.

Selain daripada itu, Kementerian saya juga mengambil tindakan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan pegawai dan kakitangan. Di antara

tindakan-tindakan yang telah dan sedang dijalankan termasuklah:

- (i) menubuhkan kumpulan meningkatkan mutu kerja, dengan izin, "quality control circle".
- (ii) mengawal pergerakan keluar masuk ke pejabat.
- (iii) menyemak kad-kad perakam waktu dari masa ke semasa.
- (iv) mengkaji semula fail meja dan manuat procedure kerja.
- (v) menentukan supaya penggunaan kakitangan yang optima dapat dicapai.
- (vi) mengadakan ceramah dan kursus dari masa ke semasa.

Jika mereka tidak mengikuti dengan cara-cara ini, Tuan Yang di-Pertua, barulah Yang Berhormat Menteri sendiri menjaga mereka (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyebut standard yang ditetapkan. Bolehkah Dewan ini mendapat tahu apakah standard Datuk S. Samy Vellu itu (*Ketawa*).

**Dato S. Samy Vellu;** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjelaskan sedikit kepada Dewan yang mulia ini, apakah standard Yang Berhormat Menteri Datuk S. Samy Vellu (*Ketawa*). Standard itu saya akan mendapat nilai-nilai daripada pekerja-pekerja dan juga pegawai-pegawai dan saya suka juga mendapat tahu apakah produktif mereka tiap-tiap hari daripada pukul 8 pagi hingga 4.15 petang. Dan saya siasat untuk mendapat tahu di dalam sesebulan itu apakah produktif daripada tiap-tiap pegawai. Jikalau pegawai itu tidak mencapai apa yang ditujukan itu, selepas itu saya akan memberi amaran kepada pegawai-pegawai untuk menukar dan menukar sikap dan

menanam modal yang lebih bagus untuk mendapat lebih produktivi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 28 adalah diberi di bawah ini)*

#### DASAR APARTHEID DI AFRIKA SELATAN

24. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan sekatan ekonomi yang akan dikenakan terhadap Afrika Selatan, iaitu sehingga memaksa rejim Pretoria menghapuskan dasar Apartheidnya terhadap Kulit Hitam dalam persidangan pemimpin-pemimpin Komanwel di Nasau, Bahamas baru-baru ini.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-hajj):** Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 6hb Disember, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

#### RANCANGAN BELIA BERNIAGA

25. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan dari program-program belia di bawah ini:

- (i) Rancangan Belia Berniaga;
- (ii) Latihan Kemahiran Tidak Formal;
- (iii) Melatih belia-belia luar bandar dalam berbagai bidang di Pusat-pusat Latihan Belia;

(a) Bagaimanakah sambutan-nya di kalangan belia;

(b) apakah kadar kejayaan setiap program itu mulai dari tahun 1981 hingga sekarang.

**Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):**

(a) Sambutan di kalangan belia bagi program-program Rancangan Belia Berniaga, Latihan Kemahiran Tidak Formal dan Latihan Belia Luar Bandar adalah amat mehggalakkan

(b) Berkenaan dengan kadar kejayaan setiap program tersebut mulai dari tahun 1981 hingga sekarang adalah seperti berikut:

- (i) *Bagi Rancangan Belia Berniaga* dalam tempoh tersebut, Kementerian ini telah dapat mengwujudkan sebanyak 1,298 projek. Dari jumlah tersebut sebanyak 1,209 atau 93.1% masih berjalan dengan memuaskan. Bagi pandangan saya, program ini telah mencapai satu kejayaan di dalam mengwujudkan usahawan di kalangan masyarakat belia kalau dilihat kumpulan sasaran adalah terdiri daripada belia-belia yang tercicir dalam alam persekolahan menengah yang mana tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan pendedahan yang cukup dalam bidang perniagaan. Tetapi dengan bimbingan dan dorongan yang positif ke arah sikap yang gigih melalui beberapa kursus dan

latihan kemahiran serta juga pengurusan perniagaan, mereka ini berkemampuan untuk mencapai kemajuan sebagai seorang usahawan.

- (ii) Berkenaan dengan *Latihan Kemahiran tidak Formal*, sebanyak 266 bengkel yang melibatkan 5,440 orang betia telah dilaksanakan. Di samping itu seramai 4,870 orang telah mengikuti Latihan Sambil Bekerja sehingga Disember, 1984.
- (iii) Mengenai *Latihan Belia-belia di luar Bandar dalam berbagai bidang di Pusat-pusat Latihan Belia*, sejumlah 4,386 orang telah dilatih.

#### BENIH PADI

26. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan benih padi yang digunakan oleh petani-petani kita dan sama ada beliau akan menggalakkan petani-petani menggunakan benih padi yang digunakan oleh petani-petani di Indonesia.

**Dr Goh Cheng Teik:** Soalan ini telah pun dijawab pada 13hb Disember, 1985 bersama dengan soalan dari Tuan Yusof bin Kassim.

#### LESEN RARE EARTH- MEMBATALKAN

27. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah untuk

membatalkan lesen "Red Earth Company" di Bukit Merah, Lahat; dan

- (b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan supaya tiada lesen diluluskan bagi kilang-kilang bertempat di kawasan kediaman.

#### **Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa langkah bagi membatalkan lesen pengilang bagi syarikat-syarikat yang mengeluarkan bahan "rare earth" di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat pengilangan yang telah diluluskan, dikenakan syarat-syarat tertentu untuk beroperasi. Buat masa ini, syarikat yang mengeluarkan bahan "rare earth" di Bukit Merah, Lahat, Perak didapati tidak melanggar apa-apa syarat lesen pengilang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Oleh kerana itu, tindakan untuk membatalkan lesen pengilang syarikat berkenaan tidak wajar dilakukan sekiranya tidak terdapat apa-apa pelanggaran terhadap syarat-syarat lesen pengilang dan peraturan seperti di atas.

- (b) Kelulusan dan pengeluaran Lesen-lesen Pengilang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Walau bagaimanapun lokasi atau penempatan kilang-kilang tersebut adalah terpulang kepada Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan

Negeri berhak menentukan tapak bagi semua kilang-kilang sama ada kilang-kilang tersebut dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 ataupun tidak. Bagi kilang-kilang yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, salah satu syarat yang diberikan kepada pengilang oleh Kementerian ialah bahawa tapaknya adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

#### TANAMAN PADI DI KAWASAN JELAPANG

28. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau berpuas hati dengan kawasan-kawasan tanpa kemudahan pengairan akan terus menyokong penanaman padi dan adakah Kementerian beliau berfikir untuk menggantikannya dengan tanaman lain yang dapat meninggi daya pengeluaran tanah seumpama itu.

**Dr Goh Cheng Teik:** Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah dasar pengeluaran beras yang telah dikaji semula oleh Kementerian, tanaman padi akan ditumpukan di kawasan-kawasan jelapang padi negara yang secara relatifnya mempunyai produktiviti dan potensi yang baik serta kemudahan pengairan yang lengkap dan efisien dibandingkan dengan kawasan-kawasan di luarnya. Oleh itu, selari dengan dasar ini, mana-mana kawasan padi tanpa kemudahan dan punca bekalan air yang dianggap bermasalah, usaha sedang dirancangan secara berperingkat-peringkat untuk menggantikan dengan lain-lain jenis tanaman seperti kelapa sawit, koko dan sebagainya yang lebih menguntungkan kepada petani-petani, di samping meninggikan daya

pengeluaran kawasan-kawasan tersebut.

### USUL

#### UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN HAJJAH SAADIAH DAN KELUARGANYA

3.35 *ptg.*

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan satu Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan bekas Menteri Kabinet pada 14hb Disember, 1985 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Saadiah dan keiurganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang 14hb Disember, 1985 yang baru lalu kita telah menerima berita sedih tentang kepulangan ke Rahmatullah Tun Haji Sardon bin Haji Jubir. Sesungguhnya kehilangan Allahyarham ini adalah satu kehilangan bukan sahaja kepada keluarga dan sahabat handainya malahan kepada Kerajaan, negara dan rakyat jelata pada keseluruhannya. Allahyarham adalah salah seorang anak watan yang telah berjaya menempah namanya dalam sejarah perjuangan kemerdekaan tanahair kita. Allahyarham telah mencerminkan semangat perjuangan yang tulin, penuh dedikasi dan tanggungjawab semasa hayatnya. Beliau turut menyumbangkan peranan yang aktif dan besar dalam proses membangunkan negara. Allahyarham Tun Haji Sardon juga adalah merupakan lambang kepada kejujuran



pejuang-pejuang ulung tanahair kita yang sentiasa menghormati konsep berbilang bangsa dan keturunan di negara ini di mana konsep berkenaan sentiasa diamal dan dipelihara demi keharmonian kaum dan perpaduan masyarakat.

Ketokohan Allayarham sebagai seorang negarawan menjadi lebih ketara dan sangat-sangat dirasakan oleh seluruh rakyat sewaktu beliau menjadi Menteri Kabinet. Dan lebih-lebih lagi sewaktu beliau menjadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Allahyarham adalah benar-benar merupakan seorang negarawan nasionalis yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut nama Tun Haji Sardon dengan politik, sebutan ini tidak lengkap kalau tidak dikaitkannya dengan nama parti UMNO. Allahyarham Tun Haji Sardon adalah salah seorang pengasas UMNO yang dahulunya menjadi teras kepada Perikatan dan hari ini menjadi tunggak kepada Barisan Nasional.

Di dalam UMNO Allahyarham Tun Haji Sardon adalah seorang pemimpin yang penuh dedikasi, penuh sedia dan progresif. Beliau sentiasa mengutamakan perjuangan yang total dengan tidak mengenal penat lelah demi kepentingan parti dan bangsa Melayu, bukannya perjuangan untuk memperjuangkan faedah diri sendiri. Allahyarham sentiasa bergerak dan bertindak selaras dengan cogan kata UMNO bersatu, bersedia, berkhidmat. Allahyarham pernah memimpin pergerakan pemuda UMNO di zaman perjuangan mencapai kemerdekaan dan setepas itu menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO dan kedua-dua jawatan ini dipegang olehnya dalam satu tempoh yang agak panjang.

Kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang tokoh yang bertanggungjawab membawa saya

sendiri masuk ke arena politik, Allahyarham merupakan guru dan pendorong kepada perjuangan politik saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua harus menyanjung tinggi ideal dan prinsip politik Tun Haji Sardon yang sentiasa memberi perhatian utama terhadap kesejahteraan rakyat jelata, khususnya rakyat kampung. Saya percaya bahawa konsep politik kampung yang dicerminkan dalam perjuangan Allahyarham Tun Haji Sardon ini akan terus dipraktikkan oleh sesiapa juga yang berkecimpung di dalam politik, bertujuan berjuang di atas nama rakyat di kampung yang sangat memerlukan pembelaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin mengemukakan supaya Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan bekas Menteri Kabinet pada 14hb Disember, 1985 dan menyampaikan ucapan takziah kepada balu Allahyarham Toh Puan Hajjah Saadiah dan sekeluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul ini.

### **3.40ptg.**

**Tuan Kee Yong Wee:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, untuk merakamkan Ucapan Takziah atas kematian Tun Sardon Jubir pada 14hb Disember, 1985.

Seluruh negara dan rakyat turut merasa sedih atas pemergian Allahyarham Tun Sardon baru-baru ini. Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada negara, memandangkan

sumbangan Allahyarham terhadap kemerdekaan negara dan juga politik tanah air. Rekod yang cemerlang dalam perjuangan politik Allahyarham, tidak syak lagi akan menjadi bahan kajian oleh para pengkaji politik tanahair kita. Selain daripada, itu sumbangan Allahyarham di bidang Agama Islam serta Perkhidmatan Awam juga tidak dapat diabaikan. Semangat dedikasi ini patut menjadi contoh tauladan kepada kita semua, khususnya kepada generasi muda di negara kita ini.

Sebagai anak negara beliau telah banyak membuat jasa kepada bangsa dan negara, di samping mengorbankan diri sendiri demi kepentingan masyarakat dan negara kita. Selain daripada memegang jawatan tinggi dalam UMNO, beliau pernah berkhidmat dalam beberapa jawatan Kerajaan, umpamanya, Gabenor Negeri Pulau Pinang, Menteri Pengangkutan, Menteri Kesihatan dan Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu. Perkhidmatan yang diberi oleh Allahyarham ini bukan sahaja berjiwa rakyat, bahkan telah mengharumkan nama baik Malaysia di mata dunia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya rekod cemerlang dan sumbangan Allahyarham dicatat dalam rekod Dewan Negara supaya kontribusi Allahyarham Tun Sardon Jubir dikenang dengan selamanya.

Akhirnya, saya suka menyokong Usul ini dengan sepenuh-penuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul ini sekarang terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Hussein, sila.

### 3.46ptg.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk mengambil bahagian di

dalam membahas Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan ini.

Sesungguhnya dalam peribahasa bangsa ada mengatakan: Patah tumbuh hilang berganti. Namun pemergian Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Sardon Jubir ini ialah pergi yang tak mungkin kembali lagi. Namun demikian, pemergiannya akan menjadi satu cermin kepada satu masyarakat bangsa, bangsa yang telah dilahirkan hasil daripada ikut perjuangannya iaitulah bangsa kita ini.

Tun Sardon dikenal bukan sahaja di dalam negara oleh anak bangsa, masyarakat, rakyat tetapi juga disebahagian besar di rantau dunia ini. Di dalam tekad perjuangannya untuk melahirkan negara yang kita cintai ini bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain, tidak dapat dinafikan oleh siapa sahaja yang hatu dan sanggup menerima keideal dan keadilan.

Tun Sardon di antara intellectual, dengan izin, masyarakat bangsa di awal zaman menuntut kemerdekaan. Ia telah merelakan meletak bahunya daripada zaman bangku persekolahan sehinggalah ke zaman muda dan sehingga ke akhir hayatnya, semata-mata meneruskan perjuangan untuk mengembalikan maruah bangsa yang telah dijajah dan melahirkan sebuah negara yang bermasyarakat majmuk ini, untuk menjadi sebuah negara yang aman bahagia, yang akan dikecap nikmatnya oleh masyarakat yang terkemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan Tun Sardon saya amat menyokong apa yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bukan sahaja kepada beliau, tetapi kepada banyak orang lain lagi. Kebaktian Tun Sardon di dalam perjuangan, terutama UMNO, bukan sahaja dirasai oleh ahli-ahli UMNO

atau UMNO di kawasan negeri Johor semata, tetapi tidak kurangnya UMNO di sebelah Utara dan Timur, terutama di dalam negeri Kelantan daripada mana datangnya saya ini. Dan saya percaya kehilangan Tun Sardon ini akan dirasakan oleh semua golongan masyarakat yang merasai nikmat dan manis hasil perjuangan yang ditinggalkannya ini.

Tun Sardon seorang pejuang dan seorang ahli politik yang gigih dan pernah meletakkan kepentingan bangsa, negara dan agamanya iebih berharga daripada kepemimpinan nyawanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah menyaksi sikap ini, terutama diketika beliau memikul tanggungjawab perjuangan untuk memerdekakan negara ini, apatah lagi setelah kita mencapai kemerdekaan dan beban tanggungjawab diletakkan kepadanya.

Tun Sardon bukan seorang doktor, tetapi ia pernah melawat seolah-olah merawat pesakit lebih dari seorang pakar perubatan tatkala ia menjadi Menteri Kesihatan.

Tun Sardon bukan seorang pemandu teksi, tetapi beliau pernah bersama-sama dengan pemandu-pemandu teksi tatkala beliau menjadi Menteri Pengangkutan.

Tun Sardon tidak seorang Raja, tetapi ia pernah mengepalai sebuah negeri di dalam negara kita ini. Itulah Tun Sardon seorang pemimpin yang telah banyak berbudi kepada bangsa dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan yang telah diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat penyokong baru sekejap tadi, bagi disemadikan segala kebaktian dan budi yang telah dilakukan oleh Tun Sardon kepada kita ini. Sesungguhnya lahirnya bangsa Malaysia, lahirnya negara Malaysia

dapat dirasakan oleh generasi yang ada sekarang ini; tidak dapat dinafi Tun Sardon adalah menjadi syer yang besar di dalam perjuangan ini.

Tun Sardon seorang pejuang yang boleh dianggap tak lekang dek panas; tak lapuk dek hujan. Seorang pejuang yang tidak tahu mengenal perasaan pedas dan pahit, tetapi tidak menjadi penagih manis, itulah Tun Sardon.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bukan sahaja anggota Dewan ini akan menyokong Usul ini, bahkan seluruh rakyat di negara ini akan ikut menyokong dan bersama-sama rasa simpati di atas kehilangan pemimpin yang kita kasihi ini. Moga-moga Allah s.w.t meletakkannya dengan keadaan roh-roh yang sejajar dengan perjuangan yang telah dilakukannya. Saya sekali lagi menyokong Usul yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

*3.50 ptg.*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Ucapan Takziah oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas pemergian yang mengejut Allahyarham Tun Sardon bin Haji Jubir. Sebagai yang diketahui umum, Allahyarham ialah salah seorang dari pahlawan agung yang telah berjaya memperjuangkan kemerdekaan tanahair kita. Sebaik sahaja beliau lulus daripada pengajian Undang-undang di London, selepas Perang Dunia Kedua, Allahyarham telah kembali ke tanahair untuk bersama-sama dengan pahlawan-pahlawan negara yang lain untuk memperjuangkan kemerdekaan tanahair.

Allahyarham telah menjadi salah seorang pemimpin yang ulung di dalam UMNO dan Perikatan iaitu

pertamanya sebagai Ketua Pemuda UMNO untuk beberapa tahun dan kemudian sebagai Naib Presiden UMNO untuk beberapa tahun. Sebaik sahaja kemerdekaan tanahair dicapai, beliau telah dilantik sebagai salah seorang Menteri dan telah berkhidmat dalam beberapa Kementerian termasuk Kementerian yang saya bertugas sekarang itu Kementerian Kerjaraya. Selepas menamatkan perkhidmatan sebagai seorang Menteri beliau dilantik sebagai Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa bagi satu tempoh yang singkat dalam tahun 1974.

Kemudian dalam tahun 1975 Allahyarham telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Beliau telah menyumbangkan tenaga dan kepimpinannya bagi negeri itu untuk beberapa tahun.

Sebagai seorang ahli politik, Allahyarham adalah sangat-sangat disegani oleh kawan dan juga lawan. Allahyarham sangat rapat dengan ahli-ahli UMNO dan juga Perikatan dan sangat mesra dengan penyokong-penyokongnya.

Di dalam kempen-kempen parti dan Perikatan beliau adalah sangat disukai oleh kerana petah dan bernasnya dan hujah-hujah beliau di dalam pidato-pidatonya. Beliau adalah seorang yang dikenali sebagai seorang pemidato yang boleh bercakap untuk beberapa ketika lamanya dengan tidak mendatangkan jemu kepada pendengar-pendengarnya.

Sebagai salah seorang Ahli Jemaah Menteri, beliau telah berkhidmat di dalam beberapa Kementerian yang penting seperti Kementerian Kerjaraya, Pos dan Telekom, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kesihatan dan beliau dikenali sebagai seorang yang sangat rajin dan berdedikasi dalam menjalankan tugas-tugas hariannya dan beberapa projek dibawah

Kementerian-kementerian yang berkenaan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jika ditinjau dari pengalamannya sebagai seorang politik, pentadbir, diplomat dan negarawan, Allahyarham adalah salah seorang daripada anak negara yang sangat berjaya.

Oleh itu pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan yang sangat besar dan sangat dirasakan oleh seluruh rakyat jelata dan juga negara yang kita kasihi ini. Marilah kita bersama-sama mendoakan supaya rohnyanya dicucuri rahmat oleh Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut tradisi Dewan yang mulia ini, mengikut tradisi dan apa yang kita nampak di dalam Dewan ini dalam perbahasan Usul seperti di hadapan kita, mengikut sejarah, pemimpin-pemimpin parti diberi peluang untuk menyokong. Tetapi dukacitanya saya bangun pun, saya tidak dapat peluang untuk menyokong Usul ini mengikut tradisi-tradisi yang kita ikuti dalam negara ini lebih daripada 28 tahun. Pada masa-masa dahulu apabila kita ada membangkitkan apa-apa Usul Takziah, selepas Perdana Menteri kita memberi peluang kepada Menteri yang bertugas atau jadi Ketua kepada parti-parti yang sedia ada di dalam Dewan ini. Pada hari ini sebagai Ketua sebuah parti, saya berada di sini tetapi saya tidak dapat peluang. Amat dukacitanya, saya suka meregister protest saya kepada Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik.

**3.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yartg di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya walaupun bukan seorang anggota Dewan Negara, turut mengambil

bahagian dalam perbahasan Usul yang dikemukakan atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin turut menyokong Usul Takziah yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Seperti beliau mengatakan kepulangan Allahyarham Tun Sardon bin Haji Jubir ke Rahmatullah merupakan satu kehilangan yang besar sekall bukan sahaja bagi penduduk Pulau Pinang tetapi juga bagi penduduk pada keseluruhannya di Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, sejarah akan mencatatkan nama Allahyarham Tun Sardon bin Haji Jubir sebagai seorang negarawan. Allahyarham berjuang bersama-sama dengan pengasas negara yang lain untuk mencapai kemerdekaan. Allahyarham berjuang bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin yang lain mempertahankan kemerdekaan negara ini, dan juga Allahyarham memperjuangkan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin yang lain untuk mengisi kemerdekaan yang dicapai untuk tanahair kita dengan pembangunan, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Selepas bersara sebagai seorang politik yang aktif, Allahyarham berkhidmat sebagai Yang di-Pertua di Negeri Pulau Pinang yang mana saya berasal. Saya merasa amat bangga dapat berkhidmat di negeri yang mana beliau menjadi Tuan Yang Terutama.

Dalam tempoh yang singkat ini Allahyarham telah berjaya menjadi lambang perpaduan rakyat di negeri itu, Semua penduduk Pulau Pinang tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira keturunan merasa sedih atas berita kehilangan Allahyarham.

Sekali lagi saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

dan turut merakamkan takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Ahli Yang Berhormat.

#### 4.02 ptg.

**Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai kehilangan seorang tokoh tanah air kita iaitu Tun Sardon Jubir. Kehilangan beliau ini bukan sahaja dirasai oleh kaum keluarganya, oleh para sahabat andainya tetapi juga oleh semua rakyat di negara kita hari ini, dan saya rasa amat tepat sekali usul ini dibawa di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Sardon Jubir adalah seorang yang begitu terkenal di tanahair kita kerana sumbangan-sumbangannya di dalam bidang politik dan juga pentadbiran di negara kita ini. Sumbangan ini telah dihargai bukan sahaja oleh rakyat tetapi oleh Kerajaan kita sendiri dengan cara perlantikannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada beberapa tempoh yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Sardon Haji Jubir adalah seorang tokoh dalam bidang politik dan ketokohnya itu ternyata kalau kita mengenangkan bahawa beliau telah menjadi seorang Menteri di dalam Kerajaan negara kita ini beberapa lama dan beliau berkecimpung di dalam bidang-bidang lain seperti pengakap dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Sardon Haji Jubir telah dilahirkan di dalam zaman penjajahan dan beliau telah lulus dalam profession Undang-undang dan di dalam masa itu kalau beliau tidak menjadi seorang yang begitu ingin untuk menyumbangkan kepada bangsa dan tanahairnya sudah tentulah beliau akan berkhidmat sebagai seorang peguam tetapi oleh

kerana minatnya dan oleh kerana rasa sayangnya kepada bangsa dan kepada tanahair dan walaupun di dalam zaman British ada tekanan-tekanan terhadap orang-orang politik, beliau masih meneruskan perjuangannya di dalam bidang politik untuk membolehkan negara kita ini bebas daripada penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

#### 4.06ptg.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk turut serta menyokong usul yang baharu dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Allahyarham Tun Sardon Jubir telah mendapat pendidikan dalam bidang Undang-undang dan sekembali beliau di tanahair kita mula bertugas dengan Kerajaan; dan boleh dikatakan sepanjang hayat dewasa beliau, beliau telah menyumbangkan tenaga beliau, buah fikiran intelek beliau kepada perjuangan politik di negara kita.

Perjuangan Allahyarham mencerminkan satu sikap dan satu pendirian yang tegas dan tidak berganjak di mana sahaja beliau berada atau apa sahaja yang dihadapi oleh beliau dalam perjuangannya.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, inilah keperibadian Allahyarham yang sangat-sangat diingati oleh rakyat negara ini. Beliau sangat bersimpati kepada orang-orang, kepada rakyat yang susah, sangat taat setia kepada rakan-rakan seperjuangan dan begitu teguh pendirian terhadap parti dan perjuangan beliau sepanjang hidup beliau. Tidak syak lagi bahawa inilah yang telah menjadi perhitungan dan menyebabkan mengapa beliau telah dipilih dan diangkat untuk

menyandang tugas-tugas yang begitu penting di negara kita sehingga beliau meningkat umur ke 60an.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa daripada apa yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak payahlah saya tambah lagi, kerana daripadanya semua begitu lantang dan begitu tegas keperibadian Allahyarham yang akan dirakamkan di Dewan yang mulia ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi turut serta menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan bekas Menteri Kabinet pada 14hb Disember, 1985 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Saadiah dan keluarganya.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, bekas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan bekas Menteri Kabinet pada 14hb Disember, 1985 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Saadiah dan keluarganya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai mengingati jasa-jasa baik Allahyarham Tun Haji Sardon bin Haji Jubir, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bersama-sama saya bertafakur selama seminit dan menghadiahkan doa kepada rohnyanya mengikut cara masing-masing.

*(Majlis bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli Yang beragama Islam menghadiahkan Fatihah)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Disember, 1985)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kesuntukan masa, saya menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab apabila Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif sudah habis ucapannya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid menyambung ucapan beliau.

#### 4.10 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya menyambung semula ucapan saya pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, TV satu lagi alat untuk menyampaikan pelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah rendah. Di akhir-akhir ini didapati murid-murid tidak lagi berminat mempelajari pelajaran Pandang

Dengar melalui TV yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran kerana TV yang dibekalkan itu TV berwarna putih hitam sedangkan di rumah mereka boleh dikatakan kebanyakannya mempunyai TV berwarna. Saya tidak menafikan bahawa untuk menimba pelajaran tidak seharusnya TV putih hitam atau TV berwarna menjadi alasan yang penting tetapi kita juga jangan lupa bahawa yang melihat TV itu adalah kanak-kanak di sekolah rendah. Pemikiran mereka adalah berbeza dengan pemikiran orang-orang dewasa yang merancang program pelajaran Pandang Dengar di sekolah rendah.

Untuk mengatasi masalah ini dan mendorong semula minat murid-murid mengikuti program pelajaran Pandang Dengar, saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menukarkan TV putih hitam dengan TV berwarna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sudah 28 tahun kita mencapai kemerdekaan, berbagai rancangan pembangunan termasuklah pembangunan kemudahan asas telah diadakan oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi mengisi kemerdekaan. Kalau dahulu sebelum tanahair kita mencapai kemerdekaan, ada rakyat di luar bandar yang hendak berurus dengan Jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa berjalan kaki atau menaiki perahu sehari-hari baru sampai ke tempat yang dituju. Kalau dahulu rakyat tidak mendapat bekalan air bersih dan kalau dahulu rakyat menggunakan pelita minyak tanah untuk menjadi penerang di malam hari, tetapi sekarang dengan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional yang ingin memberi kemudahan dan kesenangan kepada rakyat, banyak jalan-jalan raya dibina dan telah banyak kampung-kampung mendapat bekalan air dan bekalan api elektrik. Dengan terbinanya jalan raya

bukan sahaja menyenangkan perhubungan rakyat tetapi juga memudahkan rakyat memasarkan hasil pertanian mereka ke bandar-bandar.

Walau macam manapun, masih ada rungutan-rungutan rakyat yang masih tidak mendapat kemudahan asas semenjak kita mencapai kemerdekaan. Untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengenalpasti bilangan kampung-kampung yang belum mendapat kemudahan-kemudahan asas dan hendaklah dilaksanakan dalam jangka masa yang tertentu. Kalau Kerajaan hendak membasmikan kemiskinan, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru, begitu jugalah hendaknya dengan pembinaan kemudahan asas di luar bandar. Kerajaan haruslah membuat satu dasar tamat tempoh pembinaan kemudahan asas kepada kampung-kampung yang ada sekarang supaya kita tidak kedengaran lagi rungutan rakyat melalui akhbar dan lain-lain lagi yang mengatakan sudah 28 tahun kita mencapai kemerdekaan tetapi mereka masih tidak mendapat bekalan air, bekalan api dan kampung mereka tidak mempunyai jalan raya.

Saya juga mencadangkan supaya Kementerian ini diberi peruntukan yang lebih besar di tahun-tahun akan datang supaya pembinaan kemudahan asas dapat dijalankan dengan lebih lancar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, dalam bulan April tahun 1985, semasa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh betapa pentingnya perpaduan diwujudkan di kalangan rakyat negara ini dan

berbagai-bagai cadangan telah dikemukakan supaya perpaduan rakyat negara ini dapat diwujudkan ke tahap yang sepatutnya. Tetapi, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 ini lain pula ceritanya. Ada di antara kita menyuarakan ketidakpuasan hati sesuatu kaum tentang kebudayaan dan pelajaran kaum tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya jika kita sentiasa mempersoalkan tentang kebudayaan dan pelajaran sesuatu kaum, maka matlamat mengeratkan perpaduan melalui kebudayaan dan pelajaran tidak akan tercapai sebagaimana yang dikehendaki. Untuk mencapai matlamat perpaduan rakyat negara ini melalui kebudayaan dan pelajaran, saya mencadangkan supaya Kerajaan melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara juga harus memainkan peranannya lebih berkesan tidak sebagaimana sekarang Jabatan ini hanya wujud pada namanya sahaja, tidak mempunyai program-program yang tertentu dan saya dapati Jabatan Perpaduan Negara di peringkat Negeri-negeri tidak ada aktiviti langsung. Saya mencadangkan supaya Jabatan Perpaduan Negara disusun semula supaya ianya dapat bergerak lebih berkesan untuk menuju ke arah perpaduan negara yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan saham-saham syarikat sama ada syarikat swasta atau syarikat Kerajaan yang diperuntukkan kepada bumiputera jarang sekali dapat dibeli oleh bumiputera golongan bawahan, melainkan dibolot oleh golongan-golongan bumiputera yang tertentu sahaja. Untuk berlaku adil kepada kebanyakan bumiputera, saya mencadangkan peruntukan saham



kepada bumiputera diserahkan 100% kepada PNB atau ASN membelinya supaya golongan ramai bumiputera memperoleh saham-saham yang diperuntukkan itu melalui ASN, selain daripada itu dapat menggalakkan lebih ramai lagi kaum bumiputera menyertai saham ASN.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, kita sering mendengar rungutan daripada rakyat di Dewan yang mulia ini, juga selalu dibangkitkan tentang kelemahan-kelemahan Kementerian ini berhubung dengan perkhidmatan Pos dan Telekom, bukan sahaja di dapati ketiadaan Pejabat Pos di tempat-tempat yang tertentu untuk memudahkan urusan rakyat tetapi juga Pejabat Pos yang ada sekarang perlu diperbaiki bukan sahaja bangunannya tetapi juga tentang kemudahan-kemudahan yang lain.

Di Bandar Muazzam Shah di dalam Wilayah Pahang Tenggara, terdapat lebih kurang 15,000 orang penduduk yang tidak mempunyai Pejabat Pos dan penduduk di sana terpaksa pergi ke Segamat, Johor yang jarak jauhnya tidak kurang daripada 70 kilometer daripada Bandar Muazzam Shah untuk menguruskan sesuatu urusan dengan Pejabat Pos. Oleh sebab itu saya berharap pihak yang berkenaan dapat mendirikan Pejabat Pos di sana dengan seberapa segera untuk mengatasi masalah penduduk di sana.

Kita juga sering mendengar rungutan-rungutan tentang bil telefon yang diterima oleh pengguna yang tidak munasabah dengan penggunaannya. Apabila pengguna membuat aduan ke Jabatan Telekom tentang tuntutan yang tidak munasabah itu untuk mendapatkan jawapan daripada pihak yang berkenaan memakan masa berbulan-bulan lamanya dan jawapan atau penerangan yang diberikan juga tidak memuaskan. Akibat daripada kelemahan itu, pengguna sebaliknya

mengambil tindakan tidak membayar bil telefon, akhirnya telefon mereka dipotong. Kemudian pengguna memohon semula telefon di kediaman yang sama di atas nama isteri atau di atas nama anaknya, pihak Telekom dengan senang hati menyambung semula telefon di kediaman yang berkenaan tanpa mengambil kira tunggakan yang patut dibayar oleh pengguna. Perbuatan seumpama ini bukan sahaja merugikan Kerajaan tetapi juga menyusahkan pengguna. Saya berharap Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang positif tentang kelemahan ini.

Sekarang kabel telefon ditanam di dalam tanah. Kita menjangkakan perkhidmatan telefon adalah lebih baik daripada sistem mengguna tiang telefon, kerana cara kabel ditanam ini adalah lebih baik daripada yang telah dijalankan selama ini. Tetapi sebaliknya apabila hujan lebat, kita dapati telefon selalu rosak, tidak boleh digunakan tiga empat hari dan ada kalanya sampai seminggu, bukan sahaja satu atau dua telefon pengguna yang rosak bahkan seluruh kawasan yang terlibat tidak boleh menggunakan telefon. Saya berharap Kementerian yang berkenaan mencari jalan mengatasi kelemahan-kelemahan ini.

Yang akhirnya, pihak Kementerian Pelajaran juga haruslah menitik-beratkan sekolah-sekolah kebangsaan dan perlahan-lahan menghilangkan sekolah berbagai bahasa di negara ini untuk menegakkan perpaduan bangsa di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Bekalan 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang jawapan oleh Menteri-menteri. Jemput Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

#### 4.23 ptg.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1986 dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1986 selama lima hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai isu perpaduan yang menyentuh peranan dan pencapaian Jabatan Perpaduan Negara, skim Rukun Tetangga, disiplin dan penempatan pegawai-pegawai perkhidmatan awam, dasar latihan seperti pemberian biasiswa, penempatan pelajar-pelajar di seberang laut, agensi-agensi di luar Belanjawan, projek kereta nasional, pengeluaran petroleum, penswastaan, PUSAKABUMI, persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya khususnya di Negeri Sarawak, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Chang Soong membangkitkan bahawa negara kita telah diancam oleh peningkatan dalam isu polarisasi kaum dan ekstrimisma agama. Dalam perkara ini, ingin ditegaskan bahawa proses memupuk dan mengekalkan tahap perpaduan adalah satu proses yang berterusan. Kadangkala perpaduan sesebuah negara diancam oleh faktor-faktor yang berpunca daripada perasaan syak

wasangka di kalangan rakyat. Kerajaan sedar bahawa punca-punca ini harus dikawal dan diatasi sebelum sesuatu kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Salah satu cara untuk mengatasi masalah syak wasangka sesuatu kaum ialah dengan mengadakan rundingan dan muafakat seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebuah badan iaitu Panel Penasihat Perpaduan Negara telah ditubuhkan untuk tujuan sedemikian. Tugas Panel ini ialah untuk membantu Kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi perpaduan negara. Panel Penasihat mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali setahun untuk membincangkan perkara-perkara semasa dan mengemukakan pandangan melalui Jabatan Perpaduan Negara kepada agensi-agensi Kerajaan yang tertentu. Berdasarkan dari apa yang dinyatakan itu, maka "Majlis Perundingan Nasional" seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak perlu ditubuhkan kerana Panel Penasihat Perpaduan Negara dapat memainkan peranan seperti yang disarankan.

Sehubungan dengan itu, Panel Penasihat Perpaduan Negara sedang diperkemas dengan memasukkan perwakilan dari segenap 13 negeri di Malaysia kita dan juga memasukkan perwakilan-perwakilan dari badan-badan agama. Selain daripada itu, Jawatankuasa Penasihat Perpaduan juga akan ditubuhkan di setiap negeri, satu pejabatnya akan ditubuhkan di setiap negeri untuk menyelaraskan usaha-usaha memupuk perpaduan negara.

Sungguhpun demikian, sebagaimana termaklum, sesebuah negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia menghadapi berbagai rintangan yang perlu diatasi dan memerlukan masa dan penerimaan untuk mencapai perpaduan

sepenuhnya. Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa satu tahap perpaduan sudah wujud di negara kita. Ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa dasar tertentu untuk memastikan bahawa keseimbangan serta keadilan sosial dan ekonomi dipelihara dan kesedaran oleh semua pihak bahawa Malaysia adalah sebuah negara bermasyarakat majmuk ataupun berbilang keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Haji Zakaria bin Yahya pula membangkitkan mengenai pencapaian Jabatan Perpaduan Negara dalam usahanya untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum melalui aktiviti-aktiviti gotong-royong dan kelas-kelas perpaduan di kampung-kampung baru. Ingin saya jelaskan, gotong-royong dan kelas-kelas perpaduan adalah merupakan aktiviti-aktiviti Jabatan Perpaduan Negara dalam menggalakkan rakyat bergaul dan berinteraksi. Selain daripada itu, Jabatan Perpaduan Negara juga menganjurkan Khemah Kerja Perpaduan, Kelas TABIKA Perpaduan, Kelas Bahasa untuk sektor swasta, pengeluaran penerbitan-penerbitan seperti Jurnal Negara, Balai Muhibbah, Akhbar Jiran dan Kalendar Perpaduan serta risalah-risalah mengenai adat-adat resam kaum-kaum di Malaysia. Dari semasa ke semasa, majlis dialog tertutup, seminar-seminar, forum-forum, ceramah-ceramah dan panel-panel diskusi untuk tujuan yang sama juga diadakan.

Untuk memupuk dan mengukuhkan semangat kejiiran di kalangan masyarakat berbilang keturunan, skim Rukun Tetangga yang telah pun diubahsuai mulai 1hb Januari, 1983 memberi penekanan kepada konsep kejiiran. Kegiatan bidang sosial, kebajikan, pendidikan, sukati serta rekreasi dan kebudayaan telah ditingkatkan dalam konsep baru Rukun Tetangga. Jabatan Perpaduan

Negara sentiasa berusaha memberi dorongan, bimbingan dan bantuan kepada jawatankuasa-jawatankuasa/ sektor Rukun Tetangga untuk menjalankan kegiatan-kegiatan kejiiran seperti yang dinyatakan itu.

Menyentuh mengenai perjalanan Skim Rukun Tetangga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap, suka saya nyatakan bahawa keadaan keselamatan di dalam semua sektor kategori 3 yang diwajibkan menjalankan tugas rondaan kini telah bertambah baik, maka pihak Jabatan Perpaduan Negara telah memutuskan untuk menaikkan taraf kategori sektor-sektor kategori 3 yang ada sekarang kepada kategori 2 di mana tugas rondaan tidak diwajibkan lagi mulai 1hb Pebruari, 1986. Dengan perubahan kategori ini, maka masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak akan timbul lagi. Dan dengan perubahan ini juga saya harap tanggapan salah oleh orang ramai "bahawa Rukun Tetangga itu adalah rondaan dan rondaan itu adalah Rukun Tetangga" akan dapat dikikis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah membangkitkan mengenai sikap setengah-setengah anggota perkhidmatan awam yang membeza-bezakan layanan kepada orang ramai mengikut status atau pangkat seseorang itu hingga menyebabkan kesulitan kepada orang ramai dalam hubungannya untuk mendapatkan khidmat Kerajaan.

Saya tidak menafikan bahawa masih terdapat dalam perkhidmatan Kerajaan masalah perbezaan layanan, keadaan tidak sensitif terhadap masalah rakyat, sikap kurang amanah dan dedikasi dalam menjalankan kerja dan sifat buruk yang tidak selaras dengan konsep Bersih, Cekap, Amanah dan Perkhidmatan

Cemerlang Kerajaan. Suka saya tegaskan bahawa amalan dan sifat-sifat yang kurang memuaskan ini hanya terdapat pada sebahagian kecil anggota perkhidmatan awam sahaja. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah memberi keutamaan yang sangat tinggi kepada usaha-usaha mewujudkan perkhidmatan-perkhidmatan cemerlang tanpa pilih kasih kepada mana-mana pihak, menanamkan sifat-sifat mulia selaras dengan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Kesungguhan Kerajaan atas perkara ini dapat dilihat daripada program-program yang telah disusun dan yang telah dijalankan dengan penuh penglibatan dan kesungguhan, seperti penggubalan Etika-etika Kerja, Kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Pandang Ke Timur, Penggunaan Tanda Nama dan sebagainya. Dari aspek pemodenan pentadbiran, beberapa sistem telah diperkenalkan seperti Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, penggunaan komputer, alat-alat moden dan sebagainya.

Dalam kajian "Tanggapan Masyarakat Terhadap Perkhidmatan Awam" yang telah dijalankan dalam tahun ini, didapati usaha-usaha bagi memajukan pentadbiran ini terutamanya dari aspek "sikap" telah menghasilkan banyak kemajuan dan peningkatan, jika dibandingkan dengan keadaan tiga tahun yang lalu. Ini adalah satu pertanda atau perkembangan yang sangat positif dan menggalakkan. Sungguhpun mereka yang tidak sensitif terhadap masalah-masalah rakyat adalah kecil bilangannya, Kerajaan tidak akan memandang ringan dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap golongan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King

pula telah membangkitkan mengenai Elaun Penempatan Khas, Elaun Wilayah dan Elaun Bantuan Sewa Rumah yang dibayar kepada pegawai-pegawai Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak, pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di negeri-negeri mereka sendiri dan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung. Di sini inginlah saya jelaskan bahawa pengwujudan elaun-elaun berkenaan adalah berasaskan kepada beberapa faktor yang tidak boleh disamakan kedudukannya dengan faktor alam sekeliling yang diambilkira bagi pegawai-pegawai Semenanjung dan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak. Pegawai-pegawai Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak adalah dibayar Elaun Penempatan Khas bagi menampung kos sara hidup yang lebih tinggi di negeri-negeri itu. Pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang ditempatkan untuk berkhidmat di negeri masing-masing adalah dibayar Elaun Wilayah, sementara bagi yang berkhidmat di Semenanjung, mereka juga dibayar Elaun Penempatan Khas sungguhpun kos sara hidup di Semenanjung pada keseluruhannya adalah lebih rendah dari Sabah dan Sarawak.

Pembayaran Elaun Bantuan Sewa Rumah kepada pegawai-pegawai Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak adalah bagi menampung kadar sewa rumah yang tinggi di negeri-negeri tersebut. Masalah ini tidaklah begitu teruk dirasakan oleh pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di tempat mereka sendiri berbanding rakan sejawat mereka dari Semenanjung yang di samping menghadapi kadar sewa rumah yang tinggi, juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan rumah sewa yang sesuai. Sebaliknya, pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung tidak dibayar Elaun

Bantuan Sewa Rumah oleh kerana kadar sewa rumah di Semenanjung adalah lebih rendah berbanding dengan Sabah dan Sarawak pada umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai masalah-masalah pelajar dan penempatan mereka selepas tamat pengajian. Yang Berhormat Senator Haji Jaafar bin Harun mencadangkan supaya Kerajaan membentuk satu badan penyelaras Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menempatkan siswazah-siswazah dalam Jabatan-jabatan yang sesuai dengan kursus yang diikuti. Ingin saya tegaskan bahawa bagi pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan di bawah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, penempatan mereka ke jawatan-jawatan perkhidmatan awam Persekutuan dibuat bersesuaian dengan kelulusan mereka. Maka cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan menubuhkan satu badan penyelaras itu tidaklah perlu pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kassim pula telah mengesyorkan supaya pelajar-pelajar Malaysia dihantar ke universiti-universiti yang terkenal dan maju di luar negeri. Mengenai perkara ini, sukalah saya memaklumkan bahawa memang menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan pelajar-pelajar ke universiti-universiti yang bertaraf tinggi supaya pelajar dan negara mendapat manfaat dari kecemerlangan akademik atau, dengan izin, "academic excellence" dari universiti-universiti tersebut. Mengenai syor Yang Berhormat supaya pelajar-pelajar hanya dihantar ke tempat-tempat yang telah ada ramai pelajar Malaysia dengan tujuan untuk memudahkan kawalan dan mengurangkan kesulitan, maka sukalah saya jelaskan bahawa dasar Kerajaan pada masa ini ialah untuk

memperluaskan penyebaran pelajar-pelajar di seluruh negara berkenaan. Ini adalah untuk mengelakkan penumpuan pelajar-pelajar di sesuatu tempat sahaja sehingga mewujudkan perkampungan Malaysia yang mungkin akan mewujudkan sikap tidak mahu bercampur dengan masyarakat dan pelajar-pelajar asing setempat.

Yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap pula mencadangkan supaya Skim Biasiswa yang ada sekarang ditukar kepada Skim Pinjaman sebagai satu cara untuk mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan dalam ekonomi negara masa kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini memang ada badan-badan seperti MARA, Yayasan Terengganu dan beberapa Kerajaan Negeri yang memberi pinjaman kepada golongan pelajar-pelajar yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar, terutamanya untuk mengikuti bidang-bidang pengajian professional di mana keperluan tenaga manusia adalah mendesak dan bekalan yang diperlukan akan hanya boleh diperolehi melalui pemberian biasiswa. Pemberian biasiswa ini juga bukan sahaja kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya tetapi juga adalah sebagai insentif kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang. Sama ada pemberian biasiswa ini perlu diteruskan atau digantikan dengan pinjaman, perlulah dikaji dengan mendalam.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya telah membangkitkan mengenai prestasi dan peranan perbadanan-perbadanan awam. Ingin saya jelaskan bahawa Kerajaan

memang sedar terdapat beberapa kelemahan dari aspek pengurusan dan pengawasan perbadanan-perbadanan awam dan telah pun mengambil tindakan untuk memperbaiki kedudukan ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuk penubuhan Unit Pusat Pengumpulan Maklumat di Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa Khas untuk mengawal perbelanjaan Agensi-agensi Luar Belanjawan (OBA).

Dari segi persaingan Agensi-agensi Luar Belanjawan dengan individu-individu bumiputera untuk merebut peluang perniagaan, Yang Berhormat tidak perlu kluatir oleh kerana Kerajaan akan terus menekankan dasar supaya Agensi-agensi Luar Belanjawan menceburi bidang-bidang yang sukar disertai oleh syarikat dan individu-individu bumiputera umpamanya industri berat. Bagi industri-industri di mana terdapat ramai bumiputera yang terlibat di dalamnya, Kerajaan bersedia mengundur diri dan sememangnya menjadi amalan Kerajaan untuk menyerahkan syarikat-syarikat yang telah tertubuh dan mencatatkan keuntungan kepada bumiputera melalui skim pemindahan saham-saham Kerajaan kepada bumiputera. Selain daripada pemindahan kepada Permodalan Nasional Berhad, skim ini juga memperuntukkan supaya sebahagian daripada saham-saham syarikat yang telah dikenalpasti dipindahkan kepada syarikat-syarikat bumiputera dan pada ketika ini terdapat beberapa syarikat amanah yang telah pun diserahkan kepada syarikat individu bumiputera yang berminat dan berkebolehan menguruskannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk G. Pasamanickam menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan kereta nasional Malaysia, terutama mengenai kurangnya penggunaan komponen

tempatan. Sukalah saya menjelaskan iaitu sebelum pelancaran kereta nasional, negara kita telah pun menceburkan diri dalam bidang industri otomotif pemasangan kereta. Dalam tempoh 18 tahun, sebelum Proton Saga, penggunaan bahan-bahan tempatan yang dipasang di dalam sesebuah kereta, hanyalah ialah sebanyak 18% sahaja. Oleh yang demikian, penambahan ke paras 42% penggunaan bahan tempatan melalui projek kereta nasional adalah satu kemajuan yang besar dalam penggunaan komponen tempatan. Sungguhpun demikian, usaha-usaha akan diambil dari semasa ke semasa bagi menambahkan penggunaan komponen tempatan dalam projek kereta nasional, terutama apabila jumlah penjualan mencapai tahap "large scale production", dengan izin. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan pihak swasta akan mengambil peluang untuk mengeluarkan bahan-bahan tempatan bagi keperluan ini. Pada masa ini kajian sedang dibuat untuk menubuhkan sebuah kompleks kejuruteraan dengan kebolehan mengeluarkan enjin dan keperluan keperluan lain bagi kereta nasional ini.

Mengenai gelaran kereta nasional ianya sesuai oleh kerana kereta ini memang mempunyai identiti negara dan juga memang dibuat di sini. Bagi maksud defmisi tidak semestinya peratusan bahan tempatan dijadikan ukuran. Kita amat berbangga dan gembira bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengenalkan kereta kita di negara China dalam lawatannya ke Beijing baru-baru ini. Ini merupakan satu pertanda baik dalam perindustrian kerana negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abu Bakar bin Lajim telah membangkitkan mengenai penurunan harga petroleum yang akan memberi kesan ke atas hasil eksport

daripada sumber tersebut. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pasaran minyak mentah dunia pada masa ini memang kurang stabil. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa yang berpanjangan dan bekalan minyak petroleum yang berlebihan, berbanding dengan permintaan yang telah mengakibatkan arah aliran yang menurun dalam harga petroleum.

Sungguhpun ada spekulasi mengenai kemungkinan turunnya harga minyak mentah di pasaran dunia, tetapi sejauh mana harga ini akan turun tidaklah dapat ditentukan dan sebenarnya sedangkan pihak OPEC pun tidak sanggup menentukannya. Dalam penyediaan Belanjawan, penurunan harga barang-barang utama termasuk petroleum adalah sentiasa diambilkira. Kerajaan akan terus memerhatikan dengan teliti aliran harga minyak mentah di pasaran dunia. Tetapi tidaklah dapat kita pastikan apakah tindakan yang akan diambil untuk menampung tahap hasil eksport yang dijangka jika harga ini turun. Sesungguhnya tindakan-tindakan yang akan diambil akan bergantung kepada kesan yang dijangka akan timbul daripada mana-mana tindakan yang boleh diambil. Peranan menstabilkan tahap hasil negara tidak semestinya bergantung kepada hasil petroleum sahaja. Kerajaan mempunyai beberapa cara untuk menentukan tahap hasil dan belanjawannya di mana-mana peringkat melalui tindakan-tindakan yang munasabah. Penambahan pengeluaran minyak mentah adalah salah satu cara yang boleh ditimbangkan, jika penambahan pengeluarannya tidak mengalami kesukaran pasaran.

Menyentuh mengenai perkara royalti yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Terengganu hasil daripada

pengeluaran petroleum seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Senator Hasanah binti Haji Mohd. Kassim, sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengulangkaji kadar royalti yang sedang dikuatkuasakan sekarang kerana didapati asas-asas pembayaran tersebut adalah munasabah, tambahan pula di zaman kemelesetan ekonomi ini memang sukar bagi Kerajaan untuk mengulangkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penswastaaan seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kee Yong Wee, iaitu dari segi pemilihan bidang-bidang tertentu untuk diswastakan dan pengawasan yang lebih rapi terhadap pelaksanaan dasar ini, maka sukalah saya nyatakan bahawa beberapa perkara telah diambilkira dalam usaha memperluas dan mempertingkatkan dasar penswastaaan, iaitu termasuk:

- (i) kebajikan kakitangan yang terlibat dalam penswastaaan, umpamanya, peraturan-peraturan dan syarat perkhidmatan serta struktur gaji mereka. Perlulah dipastikan kakitangan tidak akan mengalami apa-apa kerugian yang timbul akibat penswastaaan;
- (ii) implikasi ke atas peruntukan undang-undang yang ada dan perubahan-perubahan yang perlu dibuat; dan
- (iii) kesan ke atas kebajikan pengguna seperti harga dan kemudahan mendapat perkhidmatan yang telah diswastakan. Ada kalanya satu badan pengawal khas untuk perkhidmatan itu perlu ditubuh.

Perlu ditegaskan juga bahawa segala kesan ke atas kewangan Kerajaan, dan faedah sesuatu cadangan penswastaaan

adalah diambilkira secara mendalam dan berhati-hati selaras dengan Garispanduan Penswastaan.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim telah mendakwa bahawa peranan dan tanggungjawab PUSAKABUMI yang mana dakwaannya tidak mencapai matlamat sepenuhnya seperti resolusi yang telah diluluskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980. Saya tegaskan bahawa PUSAKABUMI dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja Pendaftaran Kontraktor Kerja, memberi taraf bumiputera kepada kontraktor kerja yang berkenaan atau memberi khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor kerja bumiputera. Walaubagaimanapun, Kerajaan mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat khususnya resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera 1980. Kerajaan akan mengulangkaji fungsi PUSAKABUMI dari semasa ke semasa jika difikirkan perlu.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah mengesyorkan agar urusan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihanraya di Sarawak berasaskan geografi, sifat dan bentuk alam serta kepadatan penduduk dan mencadangkan penambahan bahagian pilihanraya supaya Wakil Rakyat mudah menjaga kebajikan penduduk di kawasannya. Mengenai perkara ini, sebagaimana termaklum, penambahan kerusi-kerusi Dewan Rakyat bagi Negeri Sarawak dari 24 kepada 27 kerusi telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22hb Oktober dan oleh Dewan Negara pada 2hb Disember baru-baru ini. Kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak pula telah ditambah sebanyak 8 lagi menjadikan jumlah sebanyak 56 kerusi.

Dewan Undangan Negeri Sarawak telah pun meluluskan pindaan kepada

Perkara 14 (2) Perlembagaan Negeri Sarawak mengenai penambahan kerusi tersebut pada bulan Mei tahun ini.

Dalam usaha menjalankan urusan persempadanan semula ini, saya yakin bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan bersikap adil dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk mempersempadankan Bahagian-bahagian Pilihanraya mengikut perinsip-perinsip Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini Suruhanjaya Pilihanraya bukan sahaja akan mengambilkira soal geografi dan kepadatan penduduk khususnya pemilih, malahan soal-soal berhubung dengan kemudahan-kemudahan pentadbiran termasuk pendaftaran pemilih dan pengundi, kesukaran yang akan dihadapi oleh pemilih-pemilih di luar bandar dan juga kesulitan-kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihanraya serta memelihara hubungan tempatan sentiasa diberi perhatian oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Jaafar bin Harun telah membangkitkan mengenai calon-calon yang sah dinamakan untuk bertanding dalam pilihanraya tetapi kemudiannya menarik diri, dan mengesyorkan supaya nama-nama calon ini tidak disenaraikan dalam borang pengundian supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pengundi-pengundi. Mengenai perkara ini, sukalah dinyatakan bahawa penarikan diri oleh calon atau calon-calon dalam sebarang pilihanraya hanya boleh dilakukan sebelum pukul 11.00 pagi pada hari penamaan calon dan tidak selepas waktu itu. Jika seorang calon yang sah dinamakan menarik diri selepas masa yang ditetapkan nama dan simbolnya akan tetap muncul dalam kertas undi



kerana penarikan dirinya adalah tidak sah di sisi Peraturan-peraturan Pilihanraya.

Mengikut Peraturan 9, Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya), 1981 adalah berbunyi seperti berikut:

"Seseorang calon boleh, sebelum pukul sebelas pagi hari penamaan, tetapi tidak selepasnya, menarik balik pencalonannya dengan memberi notis bermaksud demikian dalam Borang 6 atau 6A, mengikut mana yang berkenaan, dalam Jadual Pertama kepada pegawai pengurus. Borang itu hendaklah ditandatangani oleh calon dan disaksikan oleh seorang saksi."

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun juga telah membangkitkan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji semasa Jemaah Haji menunaikan fardhu Haji. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan secara terperinci mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut iaitu:

(i) *Kemudahan Telefon di Mina dan Arafah:*

Adalah menjadi dasar Kerajaan Arab Saudi sentiasa berusaha memberi pelbagai kemudahan kepada Jemaah Haji juga termasuk dalam hubungan melalui telefon. Semasa kemuncak Haji di Arafah dan Mina, keseluruhan jentera pentadbirannya ditumpukan supaya mencapai tahap perkhidmatan yang baik kepada Jemaah Haji. Kemudahan telefon awam antarabangsa diadakan di merata-rata tempat.

Walaupun demikian, usaha-usaha untuk memperbanyakkan lagi kemudahan telefon-telefon awam untuk Jemaah Haji akan dipertingkatkan. Di samping itu lokasi-lokasi telefon awam akan ditanda dalam peta-peta yang akan diedarkan kepada Jemaah Haji untuk panduan mereka.

(ii) *Tempat Letak Ambulan Di Hospital Arab:*

Tempat letak ambulan di Hospital Arab pula, kita sedia maklum bahawa pada kemuncak Musim Haji terdapat dua juta Jemaah Haji di bandar Mekah dan bagi mengawal lalulintas pada masa itu pihak yang berkuasa Arab Saudi mempunyai peraturan yang paling ketat di mana kenderaan dari apa jenis sekalipun termasuk ambulan ataupun kepunyaan pembesar-pembesar negeri tidak dibenarkan ditempatkan di jalan raya. Memandangkan kepada keadaan kesesakan lalulintas dalam musim haji, mungkin perkara yang dibangkitkan tentang ambulan ditarik atau dihalau itu berlaku. Namun demikian, perhubungan dengan pihak berkuasa Arab Saudi, khususnya di antara Rombongan Kesihatan Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Arab Saudi, sentiasa erat dan mesra dalam konteks saling membantu.

(iii) *Penggunaan Walkie-Talkie di Mina:*

Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan walkie-talkie digunakan oleh mana-mana pihak kecuali pihak

keselamatannya sendiri dan dengan yang demikian Rombongan Haji Malaysia tidak dapat menggunakan alat itu dalam musim haji.

(iv) *Package Haji Aziz Khogeer:*

Dalam hubungan ini saya menyatakan bahawa package Haji Aziz Khogeer telah dikendalikan oleh Tabung Haji buat kali pertamanya dalam musim haji yang lalu; dan sebenarnya setelah dikaji didapati bahawa cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah munasabah; dan Tabung Haji bagi package itu dalam Musim Haji yang akan datang ialah Kategori A - tempat menginap di hotel; dan Kategori B - tempat menginap dibangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang iaitu dalam kursus-kursus haji yang diberi kepada jemaah haji sebelum mereka bertolak ke tanah suci penumpuan akan diberikan kepada falsafah mengerjakan haji. Mudah-mudahan mereka memahami hakikat sebenar mengerjakan ibadat haji maka mereka akan lebih bersedia untuk berdikari bagi menghadapi sebarang dugaan atau keadaan tidak selesa yang mereka alami dalam menunaikan ibadat haji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah menyarankan supaya Kerajaan menyediakan bangunan mahkamah syariah yang sesuai sekurang-kurangnya setanding dengan mahkamah-mahkamah daerah. Sebagaimana termaklum, hal ehwal mahkamah-mahkamah syariah adalah termasuk di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang

Berhormat itu akan disampaikan kepada pihak-pihak tersebut. Mengenai mahkamah-mahkamah syariah bagi Wilayah Persekutuan, saya difahamkan mahkamah-mahkamah syariah bagi Wilayah Persekutuan akan ditempatkan di Bangunan Sulaiman. Bangunan ini adalah salah sebuah bangunan yang cantik, luas dan amat sesuai sebagai sebuah bangunan mahkamah.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Segala teguran dan pandangan serta syor-syor yang tidak disentuh dalam jawapan saya telah diambil perhatian dan akan disusuli di mana yang perlu. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran di bawah Jabatan Perdana Menteri diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Kementerian Pengangkutan memberi jawapan.

*4.48 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman);** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan pandangan-pandangan terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahunan 1986 bagi Kementerian Pengangkutan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada 9hb dan 12hb Disember, 1985.

Di sepanjang perbahasan ini saya dapati ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah

membangkitkan banyak teguran dan memberikan pandangan serta syor-syor. Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya adalah memberi perkhidmatan yang berorientasikan perkhidmatan secara terus kepada orang ramai seperti Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Keretapi Tanah Melayu dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Saya memandang serius kepada segala syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya didapati sesuai akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di Jabatan-jabatan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya tegaskan di sini iaitu bagi tahun 1986 Kementerian saya akan terus berusaha untuk memajukan sistem pengangkutan darat, laut dan udara dan infrastruktur berkenaan yang cekap, seimbang dan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sekarang kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Johor, Yang Berhormat Dato Pasamanickam dan Ahli Yang Berhormat dari Selangor Yang Berhormat Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya telah membangkitkan perkara mengenai perkhidmatan keretapi di negara ini. Sehubungan dengan ini, sukalah saya memaklumkan, sebenarnya adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperbaiki semua sistem pengangkutan di negara ini dan di dalam hubungan ini perkhidmatan keretapi tidak dikecualikan. Kerajaan telah, sedang dan akan terus memberikan perhatian dan peruntukan bagi mempertingkatkan sistem perkhidmatan keretapi. Kerajaan sedar bahawa sistem perkhidmatan keretapi yang ada

sekarang adalah lama dan perlu diperbaiki. Bagi maksud ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebahagian besar wang di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan rancangan-rancangan seterusnya.

Di dalam usaha Kerajaan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi masa kini, Kerajaan telah merancang melalui rancangan tindakan dua strategi iaitu untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Bagi jangka masa pendek rancangan-rancangan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi adalah seperti berikut:

- (i) pembelian jentera-jentera penyelenggaraan landasan;
- (ii) menukar alat-alat dan sistem persembayanan dan perhubungan;
- (iii) pembelian locomotive, koc-koc dan gerabak-gerabak baru.
- (iv) membaharui dan mengganti landasan serta kelengkapannya;
- (v) memperbaharui dan memperindahkan bangunan-bangunan dan stesen-stesen keretapi;
- (vi) membina yard untuk perkhidmatan pengendalian kargo kontainer;
- (vii) mengadakan sistem penjualan dan penempahan tiket dengan menggunakan mesin; dan
- (viii) menggunakan alat komputer untuk operasinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada rancangan-rancangan ini telah dan sedang dijalankan dan yang lain akan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh tertakluk kepada

peruntukan kewangan yang mencukupi.

Dalam usaha memodenkan perkhidmatan KTM untuk jangka masa panjang pula, Kerajaan telah mengkaji kemungkinan untuk mengadakan landasan berkembar tolok atau standard dan kelengkapan elektrik bagi perkhidmatan keretapi yang baru. Kerajaan telah meminta pihak JAICA (Japan International Cooperation Agency) yang sedang membuat kajian sekarang ini secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sabah iaitu Yang Berhormat Wong Yau Ket dalam perbahasannya pada 12hb Disember, 1985 yang lalu telah membangkitkan perkara mengenai bangunan terminal lapangan terbang Kota Kinabalu yang baru dibina tetapi mengikutnya out of date, dengan izin, dan tiada kemudahan para pengunjungnya untuk melihat para penumpang yang turun naik kapal terbang, soal pemeriksaan keselamatan yang tidak memuaskan iaitu tidak teratur dan sistematik, katanya, serta mengenai lapangan terbang Sandakan tiada mempunyai kemudahan bagi kapal terbang untuk mendarat di waktu malam. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa Lapangan terbang Antarabangsa Kota Kinabalu adalah dilengkapi dengan kemudahan "aerobridges" yang mana dapat menghindar penumpang-penumpang yang menaiki atau menurun dari kapal terbang daripada cuaca buruk. Dengan kemudahan moden ini pergerakan para penumpang semasa menurun dari atau menaiki kapal terbang memang tidak dapat di lihat dari luar sekalipun adanya "viewing gallery", dengan izin. Bagaimanapun sekiranya para-pengunjung ingin melihat

kapal terbang mendarat atau berlepas, mereka boleh melihat dari restoran-restoran yang terletak di lapangan terbang itu.

Menyentuh mengenai perkhidmatan keselamatan di semua lapangan terbang negara ini, pemeriksaan keselamatan adalah dijalankan mengikut prosedur-prosedur tertentu ke atas penumpang-penumpang yang akan membuat penerbangan dan ke atas barang-barang yang akan dibawa menaiki pesawat-pesawat. Pemeriksaan tersebut adalah dibuat dengan menggunakan alat-alat seperti, dengan izin, "baggage X-ray walk through detector" dan "explosive detector".

Jabatan Penerbangan Awam adalah sentiasa mengawasi sistem pemeriksaan keselamatan supaya ianya adalah dilaksanakan dengan memuaskan dan teratur. Oleh yang demikian, sekiranya Yang Berhormat mempunyai apa-apa cadangan atau pandangan yang spesifik ke arah meningkatkan pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang, Yang Berhormat bolehlah mengemukakannya kepada Kementerian saya untuk kajian selanjutnya. Malahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun saya pelawa ke Lapangan terbang Antarabangsa Subang untuk menyaksikan dengan mata kepala masing-masing alat-alat yang kita gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan kapal terbang mendarat di waktu malam di lapangan terbang Sandakan, tindakan telah pun diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam untuk melengkapkan lapangan terbang Sandakan dengan kemudahan-kemudahan berkenaan untuk membolehkan mengendalikan pendaratan kapal terbang pada waktu malam. Berhubung dengan ini, tender untuk kerja-kerja melengkapkan

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Haji Yahya dalam perbahasannya telah membangkitkan keadaan stesen-stesen Keretapi Tanah Melayu yang tidak teratur, tidak bersih katanya yang secara tidak langsung boleh menyebabkan para penumpang tidak gemar menggunakan Keretapi Tanah Melayu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang tidak dapat menafikan terhadap beberapa buah stesen yang lama dan buruk metnandangan usia KTM yang telah pun menjangkau 100 tahun, tetapi ini tidaklah bermakna yang ianya tidak teratur dan tidak bersih. Oleh hal yang demikian, sukacita kalau Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang tertentu mengenai nama stesen serta tarikh didapati ianya tidak teratur dan tidak bersih supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Bagi mengatasi masalah ini KTM telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki dan membaharui stesen-stesen secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan. Di antara stesen-stesen yang telah diperbaiki dan diperbaharui ialah stesen Bukit Mertajam, Butterworth, Johor Bahru, Ipoh dan Taiping.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima KTM akan memperbaiki dan memodenkan stesen-stesen yang lain secara berperingkat-peringkat. KTM sedar bahawa selain daripada memperbaiki kemudahan-kemudahan di stesen, penegasan juga adalah diberi kepada keselesaan para penumpang menggunakan perkhidmatan keretapi.

Akhirnya, saya suka mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya, sungguhpun saya tidak sempat

menjawab satu persatu teguran dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tempoh perbahasan pada hari ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa segala pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan dilaksanakan sekiranya didapati sesuai.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan khususnya Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Keretapi Tanah Melayu dan Sistem Penerbangan Malaysia untuk meninggikan lagi tahap prestasi dan mutu perkhidmatan Jabatan-jabatan tersebut di masa yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Pelajaran untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

*5.27ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran, dan juga atas cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dan teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah berjalan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi utasan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Lapanganterbang Sandakan dengan lampu-lampu landasan, lampu-lampu menuju atau, dengan izin, "approach lights", dan alat-alat pandu arah dan perhubungan telah dikeluarkan dan kerja-kerja tersebut dijangka siap pada penghujung tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Terengganu, Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim dalam perbahasannya pada 12hb Disember, 1985 telah membangkitkan dua perkara berhubung dengan Sistem Penerbangan Malaysia. Berhubung dengan perkara pakaian para pramugari MAS, sukalah saya memaklumkan pakaian pramugarinya adalah sesuai dengan nilai-nilai Malaysia. Pada masa sekarang, pakaian pramugari MAS adalah bercorak baju kebaya yang didapati sesuai dengan kehendak sekarang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya MAS menghidangkan makanan bercorak Malaysia, ingin saya memaklumkan bahawa memanglah menjadi amalan MAS untuk menghidangkan makanan Malaysia di semua penerbangan. Walau bagaimanapun selain dari hidangan makanan Malaysia, penumpang-penumpang juga diberi pilihan untuk meminta makanan Barat. Menu makanan pula diubah 3 bulan sekali supaya berbagai jenis makanan dapat dihidangkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sabah iaitu Yang Berhormat Senator Wong Yau Ket di dalam perbahasannya telah menyuarakan mengenai rancangan pembangunan yang diberikan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan supaya jabatan tersebut boleh mengendalikan tugas-tugasnya dengan lebih cekap. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan adalah mengemukakan projek-projek pembangunan pejabat-pejabat baru, pengubahsuaian pejabat-pejabat atau

menyewa bangunan pihak swasta untuk kegunaan jabatan tersebut di semua peringkat negeri di tiap-tiap Rancangan Lima Tahun. Walau bagaimanapun oleh kerana kemelesetan ekonomi negara yang dialami beberapa projek tahun ke belakang ini, maka beberapa projek tersebut terpaksa ditangguhkan.

Bagi Rancangan Malaysia Kelirna, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan sebanyak 7 projek pembangunan pejabat-pejabat baru mengikut keutamaan tertinggi di Jabatan Pengangkutan Jalan, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban, Melaka, Raub, Butterworth dan Kangar untuk dilaksanakan dengan kadar yang segera oleh kerana keadaan pejabat di negeri-negeri tersebut adalah amat teruk dan tidak memuaskan. Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri telah menyaksikan gambar-gambarnya diwaktu Yang Berhormat semua membuat lawatan ke Jabatan Pengangkutan Jalan. Jika sekiranya Kementerian Pengangkutan diluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan ke tujuh-tujuh projek tersebut, maka saya berpendapat bahawa sebahagian besar kesulitan ruang pejabat serta bangunan-bangunan yang sangat uzur akan diatasi dan ini bukan sahaja memberi dorongan kepada para pekerja Jabatan tersebut memberi perkhidmatan yang lebih cekap, tetapi juga akan memudahkan urusan pihak orang awam di pejabat-pejabat tersebut. Sebagai langkah jangka pendek sementara menunggu pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dibina di Wangsa Maju, Kementerian Pengangkutan bercadang untuk memindahkan pejabat Jabatan tersebut dari Jalan Duta ke sebuah ruang bangunan yang akan disewa daripada pihak swasta di pusat bandar Damansara Height pada awal tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Haji Yahya dalam perbahasannya telah membangkitkan keadaan stesen-stesen Keretapi Tanah Melayu yang tidak teratur, tidak bersih katanya yang secara tidak langsung boleh menyebabkan para penumpang tidak gemar menggunakan Keretapi Tanah Melayu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang tidak dapat menafikan terhadap beberapa buah stesen yang lama dan buruk memandangkan usia KTM yang telah pun menjangkau 100 tahun, tetapi ini tidaklah bermakna yang ianya tidak teratur dan tidak bersih. Oleh hal yang demikian, sukacita kalau Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang tertentu mengenai nama stesen serta tarikh didapati ianya tidak teratur dan tidak bersih supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Bagi mengatasi masalah ini KTM telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki dan membaharui stesen-stesen secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan kewangan. Di antara stesen-stesen yang telah diperbaiki dan diperbaharui ialah stesen Bukit Mertajam, Butterworth, Johor Bahru, Ipoh dan Taiping.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima KTM akan memperbaiki dan memodenkan stesen-stesen yang lain secara berperingkat-peringkat. KTM sedar bahawa selain daripada memperbaiki kemudahan-kemudahan di stesen, penegasan juga adalah diberi kepada keselesaan para penumpang menggunakan perkhidmatan keretapi.

Akhirnya, saya suka mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dari memberikan pandangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya, sungguhpun saya tidak sempat

menjawab satu persatu teguran dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tempoh perbahasan pada hari ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa segala pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan dilaksanakan sekiranya didapati sesuai.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan khususnya Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Keretapi Tanah Melayu dan Sistem Penerbangan Malaysia untuk meninggikan lagi tahap prestasi dan mutu perkhidmatan Jabatan-jabatan tersebut di masa yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Pelajaran untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

*5.17ptg.*

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran, dan juga atas cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dan teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah berjalan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memberi ulasan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti dan progrm-program yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim telah menyentuh soal layanan yang diberi oleh Pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia khususnya di Australia. Beliau juga telah menyebut sebagai contoh kes Encik Ahmad Othman seorang pelajar dari University of New South Wales, dengan izin, yang ditahan oleh Kerajaan Australia. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa berasaskan penyelidikan yang telah dibuat, layanan yang diberi oleh pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah memuaskan. Mereka ini boleh dikatakan bersedia untuk bekerja 24 jam sehari dan boleh bekerja bila-bila masa sahaja dan mereka terpaksa memberi khidmat bila-bila sahaja dihubungi oleh pelajar-pelajar.

Dalam kes Encik Ahmad Othman yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin menjelaskan bahawa perkara itu timbul oleh kerana kecuiaan pelajar tersebut mengambil tindakan untuk membarui visa beliau. Jabatan Penuntut Malaysia tentu sekali sedia membantu sekiranya dihubungi dalam masa yang cukup untuk pembaharuan visa yang berkenaan. Walau bagaimanapun dalam perkara ini Jabatan Penuntut Malaysia telah berunding dengan pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Imigresen dan sebagainya untuk membawa pulang pelajar berkenaan balik ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan menambah bilangan pegawai-pegawai JPM, Kementerian ini berpendapat bilangan pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri adalah mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut di luar negeri. Walau bagaimanapun, penambahan pegawai-pegawai untuk bertugas di Jabatan

Penuntut Malaysia di luar negeri akan dikaji dari masa ke semasa apabila ditikirkan perlu berasaskan tugas, jumlah penuntut dan perkembangan semasa di negara-negara berkenaan.

Ingin juga saya jelaskan bahawa pegawai-pegawai yang telah dipiih untuk bertugas di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri, sudah semestinya terdiri dari pegawai-pegawai yang berpengalaman luas dalam hal ehwai pelajar, bimbingan serta berminat pula untuk menjadi pegawai-pegawai kebajikan pelajar. Di samping itu mereka juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan dan prestasi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim juga telah mendakwa bahawa universiti-universiti kita memberi perhatian kepada penyampaian akademik sahaja, dan tidak memberi tumpuan kepada penyelidikan. Mengikut beliau juga pusat-pusat pengajian tinggi kurang mengeluarkan para pekerja yang bercita-cita tinggi, pintar dan jujur dalam tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan sentiasa memberi tumpuan kepada penyelidikan, sebahagian daripada peruntukan Perbelanjaan Mengurus adalah diagihkan bagi tujuan berkenaan. Bagi tahun 1985 sebanyak \$4.5 juta ataupun 1% daripada keseluruhan Perbelanjaan Mengurus adalah diagihkan bagi tujuan tersebut.

Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa sistem pelajaran bukanlah ditumpukan semata-mata kepada pencapaian akademik. Oleh itu Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan memperkenalkan GERKO (Gerakan Ko-Kurikulum) yang mana sistem ini akan dapat



melatih pelajar-pelajar serba boleh sama ada di dalam bidang akademik dan di bidang-bidang sosial dan lain-lain. Adalah tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa prestasi pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan telah menurun seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Apa yang berlaku ialah tahap-tahap kejayaan para pelajarlah yang meningkat dari tahun ke tahun dan sememangnya tahap-tahap ini perlu diperbaiki dari masa ke semasa sesuai dengan sistem pelajaran sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah pun mengambil tindakan supaya pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan lebih mempunyai sifat-sifat yang kreatif, mereka adalah digalakkan untuk mengambil bahagian yang cergas di dalam Gerakan Kerja Ko-kurikulum ataupun GERKO. Oleh yang demikian, adalah diharapkan bahawa pelajar-pelajar yang lulus kelak akan menjadi lebih berinisiatif dan lebih kreatif.

Mengenai tenaga pengajar, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan mengenakan syarat-syarat pemilihan yang ketat terhadap bakal-bakal pensyarah yang ingin berkhidmat dengan universiti-universiti tempatan. Mereka akan melalui proses temuduga yang teliti sebelum dilantik. Di samping itu pensyarah-pensyarah juga digalakkan untuk membuat penyelidikan di dalam berbagai-bagai bidang terutama bidang-bidang kemahiran mereka. Oleh yang demikian adalah diharapkan bahawa pensyarah-pensyarah dapat memberi pengajaran dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran juga memang sentiasa memberi perhatian kepada soal kemudahan baik dari segi fizikal ataupun dari segi bukan fizikal kepada

pensyarah-pensyarah. Kerajaan juga telah memberi perhatian tentang gaji pensyarah-pensyarah di mana selepas lima tahun berkhidmat mereka akan dinaikkan ke tangga gaji itu. Cuti sabbatical juga diperuntukkan kepada Pensyarah-pensyarah dan cuti ini boleh diambil oleh setiap pensyarah yang telah berkhidmat selama tiga hingga lima tahun. Pensyarah-pensyarah juga menerima kemudahan-kemudahan yang sama seperti pegawai-pegawai pelajaran yang lain di Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim telah mencadangkan supaya penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri hendaklah dimulakan di peringkat Diploma, bukan selepas tamat SPM. Selain daripada program penghantaran pelajar-pelajar lepasan SPM, ingin juga saya jelaskan bahawa Kerajaan sememangnya telah mempunyai program di mana pelajar-pelajar yang tamat di peringkat Diploma daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Lanjutan di institusi-institusi pengajian tinggi di seberang laut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 1985 pelajar-pelajar lepasan SPM yang layak untuk dihantar ke luar negeri dikehendaki terlebih dahulu mengikuti Kelas Persediaan seperti G.C.E. "A" level, TOEFL dan Matrikulasi Australia di dalam negeri selama dua tahun sebelum dihantar ke luar negeri.

Selain daripada itu institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga sedang berusaha untuk mengadakan lebih banyak hubungan dan ikatan-ikatan universiti berkembar bagi membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar lepasan Diploma diterima masuk ke tahun-tahun pengajian tertentu melalui transfer of credit, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Chang Soong telah mencadangkan supaya pihak swasta dibenarkan menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi untuk menambahkan tempat bagi calon-calon. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi yang sedia ada boleh diperkembangkan lagi untuk menampung permintaan. Oleh itu buat masa ini Kementerian Pelajaran belum lagi bercadang hendak membenarkan pihak-pihak swasta menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa pemilihan pelajar-pelajar untuk kemasukan ke universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan kepada "meritocracy", seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator M.G. Pandithan telah mencadangkan supaya persekolahan diwajibkan. Beliau mahu satu Undang-undang harus direka bagi mendenda ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa kadar kemasukan ke sekolah rendah bantuan sahaja bagi kanak-kanak berumur enam tahun telah mencapai lebih 97%. Kadar keciciran di sekolah rendah juga amat rendah. Kadar penyertaan ini adalah setanding dengan negara-negara yang maju dan jauh tinggi berbanding dengan negara-negara serantau. Didapati juga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada masa ini banyak lagi perkara-perkara atau kekurangan-kekurangan yang perlu diambilkira dan diselesaikan sebelum melaksanakan dasar pelajaran wajib. Ini termasuklah soal penguatkuasaan, soal infrastruktur dan lain-lain. Oleh itu pada masa ini tidaklah difikirkan

oleh kita perlu untuk kita mewajibkan persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim sekali lagi telah meminta supaya peruntukan lain-lain perbelanjaan berulang ditambah kerana sekolah-sekolah masih menggunakan peruntukan yang lama. Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran memang ada membuat pindaan menaikkan kadar baru kepada semua sekolah Kerajaan sejak tahun 1981. Memandangkan kepada keadaan ekonomi yang tidak begitu menggalakkan, pelaksanaan kadar baru itu telah ditangguhkan. Mungkin kita berdoa kepada Allah s.w.t. apabila keadaan ekonomi negara kita pulih semula insya Allah kadar baru bantuan kepada sekolah-sekolah bolehlah kita naikkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Yang Berhormat Senator Dato Kamaruzaman bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood dan Yang Berhormat Senator Haji Abdul Hamid bin Haji Latif telah menyarankan supaya perhatian yang lebih diberi kepada usaha untuk menambahkan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan bagi sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran memang memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar dalam projek-projek pembinaan dan pembaikan sekolah atau bilik darjah dan dalam pembekalan kemudahan-kemudahan dan alatan yang diperlukan. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk memperseimbangkan keadaan sekolah-sekolah di luar bandar dengan sekolah-sekolah di bandar.

Apa yang mungkin berlaku ialah walaupun hasrat kita memang ada untuk menentukan supaya perkara ini kita bekalkan kemudahan-kemudahan yang tertentu diberi kepada sekolah-sekolah yang kita hendak beri ataupun sekolah-sekolah di luar bandar supaya keseimbangan akan wujud. Nama ini juga bergantung kepada kemampuan kita, sama ada kita mampu dari segi kewangan, dari segi kemudahan, dari segi tenaga manusia dan sebagainya. Jadi, oleh kerana itu hasrat kita memang ada, namun demikian semuanya bergantung kepada keadaan dan kemampuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King merayu supaya dibuka semula kursus bahasa Cina di Maktab Perguruan tanpa mengenakan syarat credit bahawa Malaysia SPM untuk menampung kekurangan guru bahasa Cina yang bersara. Ingin saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Pelajaran telah dan sedang menjalankan kursus pendidikan sekolah rendah dengan pengajian bahasa Cina PSR (PC) di Maktab Perguruan di Miri, Sarawak. Kursus ini akan dikekalkan sebagai salah satu kursus di maktab tersebut dan sudah tentulah oleh kerana Yang Berhormat itu berasal daripada Sarawak, ini adalah baik bagi beliau. Kementerian Pelajaran perlukan kualiti di kalangan guru-guru pelatih. Kelulusan akademik yang minima perlu dipertahankan supaya mutu pengajaran di sekolah adalah terjamin. Pelajar-pelajar harus menerima kenyataan ini dan berusaha untuk memperolehi kelulusan yang baik dalam SPM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator G. Pasamanickam telah mencadangkan supaya rancangan makanan tambahan dilanjutkan kepada ketiga-tiga penggal persekolahan kerana faedah rancangan ini sangat banyak. Kecerdasan murid-

murid juga dikatakan oleh beliau bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Makanan Tambahan dilaksanakan selama 110 hari bagi tahun ini, iaitu Penggal Pertama-50 hari, Penggal Kedua-50 hari, Penggal Ketiga-hanya 10 hari. Penentuan bilangan hari ini dikira atas dasar jumlah peruntukan yang disediakan bagi sesuatu tahun itu. Rancangan ini tidak dapat dilaksanakan setiap hari persekolahan kerana peruntukan yang diterima tidak mengizinkan. Bagi tahun 1985, peruntukan bagi Rancangan Makanan Tambahan ialah sebanyak \$10 juta dan bilangan murid yang dapat faedah dari rancangan ini ialah lebih kurang 250,000 orang.

Adalah agak sukar, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat yang saya muliakan, untuk membuktikan bahawa kecerdasan murid-murid bertambah hasil daripada Rancangan Makanan Tambahan ini, kerana faktor kecerdasan banyak berkait rapat dengan faktor-faktor lain, seperti faktor baka (genetic), alam sekitar dan makanan-makanan lain yang dimakan oleh murid-murid di samping mungkin makanan yang diberi dalam pelaksanaan dasar Rancangan Makanan Tambahan yang kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada bukti jelas dan kajian saintifik untuk membuktikan hubungan langsung antara Rancangan Makanan Tambahan dengan kecerdasan murid-murid. Satu kajian yang lebih saintifik mengenai impact Rancangan Makanan Tambahan ke atas murid-murid sekolah sedang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dewasa ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, satu kesan yang ketara ialah sejak Rancangan itu dilaksanakan, peratus kedatangan murid-murid ke

sekolah semakin meningkat. Jadi, mungkin kedatangan murid itu meningkat dari segi peratus kerana makanan disediakan, walaupun tidak semua yang datang ke sekolah untuk hendak makan, tetapi mungkin juga ada tarikan dari segi makanan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Kedatangan yang baik ini tentu sedikit sebanyak ada memberi kesan ke atas prestasi pelajaran murid-murid dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah saya rasa yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran. Saya menyedari ada banyak lagi isu-isu yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semua ini telah pun dicatatkan dan akan diberi perhatian dan di mana idea-idea itu baik dan boleh dilaksanakan bagi meninggikan mutu khidmat Kementerian Pelajaran, maka idea-idea itu akan dilaksanakan sama ada dalam bentuk projek-projek baharu ataupun diterapkan dalam projek-projek yang sedia ada dalam pelaksanaan sekarang ini.

Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Kementerian Pelajaran dan telah memberi teguran dan pandangan yang membina. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat.

**5.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S.**

**Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim, Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan, Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap, Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood dan Yang Berhormat Tuan Wong Yau Ket yang telah memberi teguran dan cadangan kepada Kementerian saya semasa membahaskan dasar-dasar am Belanjawan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang wujudnya beberapa kelemahan di dalam program perumahan di negara ini. Bagaimanapun, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa program perumahan telah gagal berdasarkan kepada pencapaian yang kurang memuaskan bagi kedua sektor awam dan swasta.

Sesuai penilaian perlulah mengambil kira halangan dan perkembangan yang luar dari dugaan dan kawalan biasa. Kita telah semua maklum bahawa kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara sejak kebelakangan ini telah menyebabkan beberapa kesan negatif kepada industri perumahan dan industri-industri lain. Walau bagaimanapun, pencapaian sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Keempat dijangka akan melebihi pencapaian sektor ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dijangkakan sebanyak 201,900 unit rumah akan siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat, manakala di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, hanya sebanyak 121,510 unit sahaja telah dibina. Sektor swasta pula dijangka akan dapat menyiapkan sebanyak 204,170 unit sahaja di bawah Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan

pencapaian sebanyak 362,680 unit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kelembapan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah juga mencadangkan beberapa strategi untuk memperbaiki lagi program perumahan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Antara lainnya ialah pendekatan pembangunan mengikut konsep pertempatan manusia (human settlement). Saya bersetuju dengan pandangan bahawa pembinaan rumah tidak lagi boleh dianggap sebagai pembinaan rumah semata-mata. Kemudahan-kemudahan asas, sosial dan ekonomi perlu disediakan bagi melengkapi rumah-rumah yang dibina supaya dapat diwujudkan petempatan manusia yang sempurna.

Mengenai cadangan supaya diwujudkan satu Dasar Perumahan Kebangsaan yang komprehensif sebagai langkah untuk mengatasi masalah-masalah perumahan, saya ingin memaklumkan bahawa pada hakikatnya satu Dasar Perumahan Negara telah pun sedia wujud, cuma ianya tidak diterbitkan dalam bentuk satu dokumen khas. Dasar Perumahan Negara adalah berlandaskan kepada prinsip menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa kepada semua rakyat Malaysia terutamanya bagi golongan pendapatan rendah. Program-program yang sesuai telah juga disusun dan dilaksanakan ke arah pencapaian Dasar ini.

Dasar dan program perumahan negara juga menggariskan rumah-rumah yang akan dibina di kawasan luar bandar ataupun di kawasan bandar. Ia juga mengambil kira keperluan perumahan mengikut unit dan jenis-jenis serta peruntukan kewangan yang diperlukan. Garispanduan-garispanduan juga dikeluarkan bagi menyokong pelaksanaan Dasar Perumahan ini.

Bagaimanapun, bagi tujuan mengelak segala kekeliruan mengenai Dasar ini Kementerian saya akan berusaha menerbitkan satu dokumen yang sesuai mengenai Dasar Perumahan Negara pada tahun 1986.

Penerbitan dokumen Dasar Perumahan Negara tidaklah boleh dianggap sebagai "jawapan" kepada semua masalah perumahan. Masalah perumahan adalah disebabkan oleh berbagai faktor seperti kekurangan kewangan, kelemahan pengurusan, bekalan tanah dan harga tanah yang sesuai dan sebagainya. Kejayaan Dasar ini bergantung kepada kerjasama dan bantuan semua pihak yang terlibat, termasuk pemaju swasta dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Selebih dari itu, faktor-faktor luaran boleh juga mempengaruhi program perumahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan susulan kepada pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri, berhubung dengan langkah untuk mengadakan 80,000 unit rumah kos rendah dan sederhana dalam tahun 1986, Kerajaan sedang giat merangka strategi-strategi untuk menjayakan pelaksanaan program perumahan ini termasuk penubuhan bilik gerakan. Usaha ini melibatkan kerjasama daripada semua agensi Kerajaan, pemaju-pemaju swasta dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri. Aspek-aspek penting yang perlu diutamakan dalam pelaksanaan program ini yang telah dikenalpasti termasuklah usaha mengenalpasti ranah-tanah yang sesuai di kawasan yang mempunyai permintaan perumahan yang tinggi dan memperkemas serta melicinkan sistem kelulusan bersabit dengan pembangunan perumahan.

Adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan supaya rumah-rumah kos sederhana dan rendah yang dibina dapat dimiliki oleh rakyat tanpa

menimbulkan beban yang berat kepada pembeli. Dalam hubungan ini, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan melalui Bank Negara ada mengeluarkan garis panduan berhubung dengan kemudahan faedah pinjaman yang rendah kepada pembeli-pembeli bagi rumah berharga \$100,000 seunit dan ke bawah. Bagi rumah yang berharga antara \$60,000 ke \$100,000 seunit, faedah pinjaman dikenakan pada kadar 11% sementara bagi rumah yang berharga \$60,000 seunit ke bawah pula dikenakan kadar faedah pada 10%. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan sistem bayaran balik secara "graduated" di mana pembayaran balik dinaikkan secara beransur-ansur. Bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji dengan teliti supaya ianya tidak membebaskan pembeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya memberi perhatian kepada keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah di seluruh negara. Bagaimanapun, jumlah yang ditetapkan kepada sesuatu negeri itu adalah tertakluk kepada peruntukan keseluruhan program perumahan, keperluan atau permintaan perumahan, keupayaan jentera pelaksanaan dan faktor-faktor yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempercepatkan permohonan tukar syarat untuk pembangunan perumahan, Kerajaan telah pun mengarahkan agar semua proses yang berkaitan diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. Peraturan ini telah sedikit sebanyak mengurangkan kelewatan yang biasa dialami oleh pemohon. Kementerian saya telah juga mencadangkan supaya ditubuhkan "one-stop agency" di semua negeri-negeri bagi mempercepat dan melicinkan lagi segala proses berhubung dengan kelulusan tanah dan pelan pembangunan. Beberapa

negeri telah pun melaksanakan konsep "one-stop agency" ini melalui penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh semua agensi yang terlibat di dalam pembangunan tanah atau perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelesenan pemaju perumahan, terdapat 2 jenis kelulusan yang diberikan kepada pemaju-pemaju perumahan swasta iaitu Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan. Bagi kelulusan Lesen Pemaju Perumahan, Kementerian sentiasa memastikan bahawa pemohon adalah terdiri daripada syarikat yang didaftarkan, mempunyai modal yang cukup, tanah yang hendak dimajukan, tanah tersebut telah pun diluluskan tukar-syarat dan pecah-sempadan serta lain-lain yang syarat sepertimana yang terkandung di dalam Borang Jadual "A", Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982. Apabila syarat-syarat tersebut dipenuhi, Kementerian saya akan menimbangkan permohonan tersebut untuk diluluskan.

Bagi kelulusan Permit Iklan dan Jualan pula, Kementerian memastikan terlebih dahulu bahawa pemohon tersebut telah pun mempunyai Lesen Pemaju yang masih sah, mengemukakan salinan pelan bangunan yang telah diluluskan dan lain-lain syarat yang dikenakan di dalam Borang Jadual "C", Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982. Setelah syarat-syarat ini dipenuhi, Kementerian saya akan menimbangkan permohonan tersebut untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982, pemaju-pemaju perumahan swasta dikehendaki menggunakan Perjanjian Jualbeli yang

seragam. Perjanjian ini telah diterjemahkan di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris bagi kemudahan orang ramai. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat "jargon" bahasa perundangan yang terdapat di dalam Perjanjian Jualbeli sukar difahami oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa membantu pembeli-pembeli rumah mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian ini, penjualan rumah-rumah kepada bumiputera oleh pemaju-pemaju swasta adalah melebihi 30%. Pada tahun 1984, secara keseluruhannya, penjualan tersebut adalah 37.75%, sementara sehingga bulan Jun 1985, peratus penjualannya ialah 37.62%. Dengan ini boleh dikatakan bahawa pembelian 30% unit-unit rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera adalah tercapai. Bahkan bagi projek-projek yang didirikan di atas Tanah Rezab Melayu dan projek-projek yang diperuntukkan kepada bumiputera adalah melebihi 30% terutamanya di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah menetapkan hakmilik tanah yang diperuntukkan kepada bumiputera dicatatkan di dalam suratan hakmilik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan yang berkaitan dengan Skim Pinjaman Perumahan, suka saya menjelaskan di sini bahawa Tabung Pusingan Pinjaman Perumahan yang ditubuhkan pada tahun 1975 telah diperuntukkan \$10 juta sebagai peruntukan permulaan. Wang peruntukan ini telah pun dibelanjakan sepenuhnya dan Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$10 juta lagi pada tahun 1983, menjadikan peruntukan di bawah skim ini sebanyak \$20 juta.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Skim Pinjaman ini dikhususkan kepada golongan berpendapatan rendah dan program ini merupakan pinjaman daripada Kerajaan kepada rakyat, terutama kepada mereka yang terdiri daripada pekerja ladang, penoreh getah, petani, buruh, nelayan, pekerja lombong, pekerja kilang dan lain-lain lagi yang tidak diberi perhatian ataupun peluang oleh mana-mana pihak bagi mendapatkan pinjaman untuk membina dan memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan proses pemilihan tapak untuk sesuatu projek perumahan dan juga pemilihan penghuni sesuatu projek perumahan awam adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Proses pemilihan tapak serta penentuan jumlah unit rumah awam kos rendah yang akan dibina, adalah tertakluk kepada banyak faktor seperti keadaan tanah yang sesuai dan mencukupi, bekalan air dan elektrik serta keperluan perumahan di sesuatu kawasan. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya penentuan jumlah unit rumah dibuat berdasarkan kepada keperluan rumah sememangnya dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Salah satu cara yang diamalkan bagi menentukan keperluan perumahan adalah melalui kajian jumlah permohonan yang diterima di dalam sesuatu projek perumahan. Kaedah ini bagaimanapun adalah kurang tepat kerana wujudnya kemungkinan orang-orang yang telah memiliki rumah membuat permohonan dan juga orang-orang yang tidak layak dari pertimbangan lain, seperti pendapatan dan sebagainya, memohon.

Sungguhpun ada cara-cara untuk mengatasi perkara ini, ianya memerlukan satu sistem penyelarasan dan pengesahan yang cekap termasuk

penggunaan komputer. Buat masa ini, beberapa buah negeri seperti Selangor, umpamanya, telah pun menggunakan sistem komputer dalam perkara-perkara pendaftaran dan pembahagian rumah. Penggunaan sesuatu kaedah itu adalah bergantung juga kepada keupayaan kewangan, pentadbiran dan pengurusan sesuatu organisasi yang melaksanakan program perumahan.

Di samping itu, Kementerian saya melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa adalah terlibat secara langsung dengan penyediaan pelan struktur di seluruh negara. Pelan-pelan struktur ini akan dapat membantu Kerajaan-kerajaan Negeri membuat perancangan yang lebih teliti, termasuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai dari segi kegunaan tanah dan keperluan perumahan bagi kawasan yang diliputi oleh pelan berkenaan. Sebanyak 14 pelan struktur telah dirancang setakat ini. Dua daripadanya iaitu bagi Kuala Lumpur dan Johor Bahru telah disiapkan, manakala bakinya adalah di berbagai peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyentuh mengenai rekabentuk rumah yang dibina oleh Kementerian saya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perhatian telah pun diberikan kepada identiti rumah awam kos rendah di negara ini dan beberapa langkah telah pun diambil di dalam membuat rekabentuk baru yang beridentitikan kebudayaan Malaysia. Salah satu langkah utama ialah mengubahsuaikan rekabentuk bumbung. Beberapa jenis rekabentuk bumbung yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan Malaysia telah dicuba. Faktor-faktor kos dan masa untuk membina bumburig-bumbung tersebut walau bagaimanapun diberi pertimbangan yang sama.

Buat permulaannya, Kementerian saya telah pun membina beberapa

buah projek rumah dengan menggunakan tumpu kasau (fascia board), bumbung yang berukiran awan larat seperti yang biasa terdapat di rumah-rumah tradisional Melayu Melaka. Perhatian juga telah diberikan kepada keselesaan penghuni yang mendiami rumah. Beberapa perubahan telah pun dilakukan kepada rekabentuknya. Di antaranya ialah menggantikan rekabentuk rumah dua bilik kepada tiga bilik supaya banyak lagi ruang boleh digunakan oleh penghuninya. Ruang dapur telah diperbesarkan untuk menampung aktiviti-aktiviti sepanjang hari. Bilik air dan tandas diasingkan dan memberi pengudaraan yang lebih di dalam rumah dengan meluaskan ruang tingkap.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah syarat-syarat yang meliputi kerja-kerja pertapakan, sebenarnya perkara berkenaan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri berkenaan. Bagaimanapun, Kementerian saya sedia menyelesaikan kos demikian dengan pihak berkaitan, sekiranya dilaporkan bahawa pemaju-pemaju merupakan punca masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Undang-undang Perumahan yakni Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1966 dan peraturan-peraturan di bawahnya, Kementerian saya suka menjelaskan bahawa langkah-langkah diambil dari masa ke semasa untuk mengemaskinikannya sesuai dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat ada membangkitkan tentang penyelenggaraan jalan-jalan di kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976, Penguasa-penguasa Tempatan (Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah)



adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan-jalan tempatan sahaja di dalam kawasanya. Pada masa ini Penguasa-penguasa Tempatan sedang dalam proses memperkukuhkan kedudukannya. Kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan, dijalankan dengan cara memberi kontrak kepada pihak swasta ataupun diserahkan kepada Jabatan Kerjaraya untuk melaksanakannya. Bagi jalan-jalan di luar kawasan Penguasa-penguasa Tempatan, penyelenggaraan jalan-jalan adalah di bawah tanggungjawab pihak Pejabat Daerah yang berkenaan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini juga ada yang diserahkan kepada pihak swasta secara kontrak ataupun kepada Jabatan Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Perkhidmatan Bomba, sukalah saya memaklumkan bahawa semenjak Perkhidmatan Bomba diambilalih oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1976, Kementerian saya telah berusaha untuk membaiki Perkhidmatan Bomba keseluruhannya dengan membina balai bomba baru dan menggantikan balai bomba dan rumah kakitangan yang lama, membeli kereta bomba baru sama ada sebagai tambahan atau gantian serta menambahkan bilangan anggota-anggota.

Semenjak 9 tahun penyatuan Perkhidmatan Bomba dilakukan, sebanyak 15 buah balai bomba baru telah dibina dan 291 buah kenderaan bomba telah dibeli. Ini terdiri daripada 121 kereta pemadam api, 20 buah tangga berjentera yang mempunyai ketinggian 28-45 meter, 17 buah kereta penyelamat, 3 buah kereta pemadam api bahan petroleum, 7 buah kereta worksyop bergerak serta 123 buah kereta pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan Kementerian saya. Saya berharap semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat dijawab ataupun dijelaskan. Jika ada perkara-perkara yang tertinggal, ianya juga akan diambil perhatian oleh kementerian saya untuk kajian dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

*5.55 ptg.*

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian Kerjaraya ketika membahaskan Ucapan Belanjawan 1986.

Saya dengan segala hormatnya sekarang mengambil kesempatan ini menjawab satu persatu teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar Haron di antara lain telah mengesyorkan supaya gerai-gerai yang terdapat sekarang di lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban diduduki dan digunakan sepenuhnya oleh peniaga-peniaga dengan segera. Di samping itu beliau juga mengesyorkan supaya sebuah surau dibina di tempat berhampiran dengan gerai-gerai itu ataupun berdekatan dengan Plaza Tol yang ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa gerai-gerai tersebut telah dibina di hentian sebelah untuk

memberi kemudahan kepada peniaga-peniaga menjual buah-buahan di tempat yang lebih sesuai dan selamat, oleh kerana sebab-sebab tertentu. Di antaranya ketiadaan kemudahan asas seperti tandas dan bekalan air, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah tidak berjaya untuk menyewa gerai-gerai itu kepada peniaga-peniaga. Tindakan sedang diambil untuk menyediakan kemudahan tersebut dan dengan itu adalah dijangka gerai-gerai itu akan dapat disewa dan diduduki oleh peniaga-peniaga kecil buah-buahan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya sebuah surau dibina di lebuhraya itu, sukalah saya menjelaskan juga bahawa kemudahan itu adalah salah satunya yang memang sedang dirancangkan. Termasuk juga di dalam rancangan ialah membina kawasan rehat, riadah di mana terdapat kemudahan seperti restoran, surau, pondok polis dan juga stesyen minyak PETRONAS di kilometer 51.4 dari Kuala Lumpur/Seremban dan kilometer 53.6 dari Seremban/Kuala Lumpur yang secara kebetulan telah pun disiapkan dan memulakan perniagaan semenjak bulan Ogos, 1985. Kemudahan-kemudahan tersebut keseluruhannya dijangka akan dapat dibina pada pertengahan tahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam di antara lain telah mengesyorkan supaya menyelidik dan mencadangkan satu cara yang lebih sistematik dan teratur diperkenalkan bagi kerja pengorekan jalan-jalan oleh pihak kontraktor-kontraktor dan lain-lain badan sebagai usaha mengelakkan pembaziran di samping menjamin keselamatan jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah pun mengenalpasti masalah itu dan sedia maklum betapa pentingnya satu cara sistematik diperkenalkan dan digunakan untuk kerja-kerja

pengorekan yang boleh menggantikan cara penggalian merentasi permukaan jalan yang tidak merosak dan membahayakan pengguna-pengguna jalan raya.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada bulan September, 1984, saya sendiri telah menyaksikan satu demonstrasi dan taklimat mengenai penggunaan alat pengerudian "under-road borer" ini, dengan izin, dan saya pasti ianya sangat sesuai digunakan dalam kerja-kerja pengorekan.

Saya juga telah mengarahkan supaya satu kajian dibuat mengenai penggunaan peralatan tersebut di negara ini yang mana ianya boleh juga digunakan oleh agensi-agensi seperti Telekom, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Bekalan Air yang terlibat secara langsung di dalam kerja-kerja memasang kemudahan-kemudahan awam mereka di bawah permukaan jalan-jalan raya.

Kementerian saya juga telah pun menyediakan satu peraturan di dalam satu buku panduan yang menggariskan cara memohon untuk memasang perkhidmatan kemudahan awam di kawasan rezab jalan dan juga penguatkuasaan cara-cara pengorekan itu. Di antara garis panduan tersebut ialah:

- (a) semua kerja gali-menggali pengorekan di atas permukaan jalan atau rezab jalan Jabatan Kerjaraya hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kerjaraya;
- (b) untuk tidak mengganggu perjalanan lalulintas, semua kerja gali-menggali bagi memasang kebel elektrik dan saluran paip air hendaklah dibuat secara menggunakan peralatan penggerudian "tunnel" atau, dengan izin, "under-road borer", melainkan

mendapat pengecualian dari JKR.

Panduan ini telah pun diedarkan kepada semua Pejabat Jabatan Kerjaraya Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan seperti Telekom, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Elektrik Negara, Jabatan Bekalan Air dan lain-lain. Kementerian saya sekarang sedang menegaskan perjalanan peraturan ini dan jika didapati peraturan secara pentadbiran ini tidak begitu efektif dan berkesan dalam menguatkuasakan penggunaan pengorekan jalan, maka Kementerian saya bercadang akan menguatkuasakan peraturan itu secara undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tiong Hiew King telah menyatakan kurang puas hati beliau terhadap jalan-jalan raya Sarawak yang belum mencapai tahap seperti jalan-jalan raya utama di Semenanjung. Beliau dapati kebanyakan jalan-jalan raya di Sarawak masih lagi dalam keadaan batu kelikir, iaitu "gravel" dan meminta supaya jalan-jalan raya ini dibina dan dinaikkan taraf. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sedar mengenai keadaan jalan-jalan raya di Sarawak dan juga pentingnya jalan-jalan raya itu dibina dan dinaikkan tarafnya supaya seimbang dengan jalan-jalan raya utama di Semenanjung. Saya telah melawat Negeri Sarawak pada awal tahun 1985 dan melihat sendiri keadaan jalan-jalan raya di sana untuk mengenalpasti jalan-jalan raya utama yang akan dinaikkan taraf dan juga dicadang untuk diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Perbincangan juga telah diadakan di antara saya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak di mana pada prinsipnya persetujuan telah dicapai untuk menaikkan taraf beberapa rangkaian jalan-jalan raya utama serta jalan-jalan lain, kecuali jalan-jalan luar

bandar, untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan juga mengenai rangkaian jalan-jalan raya yang akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan hingga ini telah pun mengetar dan menaikkan taraf tebih kurang 423 kilometer daripada jumlah jalan-jalan raya besar Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sahaja, iaitu mulai daripada tahun 1976 ke 1980, lebih kurang \$177.3 juta telah dibelanjakan untuk membina dan menaikkan taraf jalan-jalan raya besar negeri Sarawak. Dan dalam Rancangan Malaysia Keempat pula lebih kurang \$370.6 juta telah pun dibelanjakan hingga ini untuk tujuan yang sama. Bagi tahun 1986 peruntukan sebanyak \$149.6 juta telah pun dipohon untuk membaiki dan menaikkan taraf beberapa jalan-jalan raya di Sarawak yang mana baru-baru ini sahaja Ahli Yang Berhormat sedar, sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Adalah saya dengan sukanya juga memaklumkan bahawa peruntukan ini merupakan peruntukan terbesar pernah diberi kepada negeri Sarawak untuk jalan-jalan raya di Sarawak. Semua ini membuktikan bahawa Kerajaan Pusat mengambil berat ke atas pembinaan dan menaikkan taraf jalan-jalan raya di Sarawak demi pembangunan ekonomi negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya, di antara lain, telah membangkitkan perkara mengenai jalan raya yang kerap rosak akibat dari pertambahan kenderaan-kenderaan berat yang menggunakan jalan raya itu, dan seterusnya mencadangkan supaya satu kajian terperinci dibuat ke atas masalah ini. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya sedar mengenai perkara yang dibangkitkan dan oleh itu telah melantik satu gabungan firma

perunding luar negeri dan tempatan bagi menjalankan satu kajian bebanganda di negara ini. Antara tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji bebanganda had muatan dan rupabentuk, iaitu, dengan izin, "configuration" ganda kenderaan dagangan, seperti rekabentuk kepawaiian jalan yang sedia ada. Di samping itu, kajian semula akan dilakukan ke atas kesesuaian undang-undang, termasuk sistem denda yang sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan dengan berkesan. Kajian ini dianggar akan menelan belanja lebih kurang \$4.8 juta yang mana telah pun bermula pada 9hb Disember, 1985 ini dan dijangka diselesaikan dalam masa 15 bulan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wong Yau Ket di dalam ucapannya, di antara lain, telah meminta supaya lebuh raya menghubungi Pantai Barat dengan Pantai Timur Sabah dibina dengan secepat mungkin. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jalan raya yang menghubungi Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah sememangnya sedia ada tetapi tidak kesemuanya di dalam keadaan bertar. Misalnya, jalan raya yang menghubungi Tamparuli-Ranau dan Telupit adalah jalan raya bertar, tetapi jalan raya dari Telupit ke kilometer 55 masih lagi dalam keadaan bertaraf batu kelikir, tetapi dari kilometer 51 ke Sandakan adalah keadaan tar. Begitu juga keadaannya jalan raya kilometer 55 ke Lahad Datu adalah dalam keadaan batu kelikir, tetapi dari Lahat Datu ke Tawau dan ke Semporna adalah jalan raya bertar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sendiri juga melawat ke negeri Sabah beberapa kali, tidak ada seinci jalan di negeri Sabah itu tidak dapat diketahui ke pengalaman saya. Saya bukannya ikut dengan kapal terbang, tetapi dengan kenderaan saya jalan di seluruh negeri Sabah itu, selepas itu juga Kerajaan

Negeri telah meluluskan lebih daripada \$400 juta kepada negeri Sabah sahaja, satu peruntukan yang terbesar dalam sejarah kita dalam tanahair ini. Kita telah pohon pada tahun ini dan kita dapat kelulusan \$66 juta bagi tahun 1986, iaitu bagi tujuan membaiki dan menaikkan taraf beberapa kawasan jalan-jalan raya tersebut. Kawasan jalan raya itu adalah seperti berikut. Untuk makluman Yang Berhormat Wong Yau Ket, sukalah saya membangkitkan sedikit keterangan-keterangan manakah jalan yang kita akan jalankan tidak berapa lama lagi.

- (1) membaiki lebuh raya dari Tamparuli ke Ranau, kita akan belanjakan \$6 juta;
- (2) memperbaiki jalan dari Ranau ke Telupit, \$7 juta;
- (3) menaikkan taraf jalan dari Telupit ke Sandakan Batu 32, \$25 juta;
- (4) memperbaiki jalan dari batu 32 ke Sandakan, \$3 juta;
- (5) memperbaiki jalan raya dari Sandakan ke Batu 32 ke Lahad Datu ialah \$25 juta.

Jumlahnya \$66 juta, iaitu selain daripada \$400 juta yang telah dicadangkan oleh Negeri Sabah.

Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh bersabar sedikit yang mana masa depan kita boleh jugalah menjalankan semua projek seperti yang kita rancang melalui Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tender-tender bagi 4 package iaitu untuk membaiki dan menaikkan taraf jalan-jalan raya utama pantai barat Sabah telah pun dipanggil pada bulan Oktober, 1985 iaitu dari Telupid ke Sandakan sepanjang 75 kilometer, dari kilometer 55 ke Lahad Datu sepanjang 87

kilometer yang mana sekarang dalam pertimbangan. Pembinaan dan menaikkan taraf jalan-jalan raya utama ini dijangka bermula pada tahun 1986 dan dijangka siap dalam tempoh 3 tahun akan datang.

Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dapat saya beri terhadap teguran-teguran Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya. Kepada teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka atas kesudian mereka untuk membahas dalam Kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk memberi jawapan. Sila.

#### **6.12ptg.**

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan khususnya isu-isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian saya dan izinkan saya memberi ulasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kejatuhan harga minyak kelapa sawit sejak kebelakangan ini pada umumnya dipengaruhi oleh faktor kemelesetan ekonomi dunia. Faktor ini juga mempengaruhi permintaan ke atas lain-lain minyak dan lemak dunia di mana permintaan adalah lemah berbanding dengan bekalan yang banyak dari negara-negara pengeluar. Keadaan sedemikian telah mengakibatkan beberapa buah negara pengeuar mengambil berbagai langkah pemasaran yang kadangkala tidak sejajar dengan amalan

perdagangan bebas dan sihat di pasaran antarabangsa. Persaingan yang hebat ini di antara 15 jenis minyak dan lemak di pasaran dunia, menjadikan faktor harga amat berpengaruh dalam menentukan permintaan. Memandangkan begitu banyak jenis minyak dan lemak yang dikeluarkan seluruh dunia, soal menstabilkan harga secara rundingan dengan negara-negara asing amatlah sukar dilakukan. Sungguhpun demikian, minyak kelapa sawit Malaysia mempunyai banyak keistimewaan berbanding dengan lain-lain minyak dan lemak dunia, khususnya dari segi produktiviti, kecekapan kos pengeluaran, harga yang berpatutan, bekalan yang menyakinkan, mutu yang terjamin dan diikuti dengan lain-lain khidmat sokongan bagi membantu para pengguna.

Saya berpendapat industri minyak kelapa sawit Malaysia akan terus memainkan peranan penting di sektor ekonomi Malaysia dan di pasaran minyak dan lemak dunia. Namun baru-baru ini, harga minyak kelapa sawit tempatan mula telah pun pulih daripada harga purata sebanyak \$685 se tan pada bulan November kepada \$845 se tan pada hujung minggu yang lepas. Trend harga minyak kelapa sawit yang baik ini dijangka akan berterusan pada awal tahun hadapan oleh kerana musim keluaran minyak kelapa sawit yang rendah dan juga pengeluaran minyak dan lemak dunia yang dijangka berkurangan. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha meningkatkan produktiviti melalui program-program penyelidikan dan pembangunan terutama dari aspek agronomi, kejuruteraan genetik, kejenteraan ladang, penggunaan tanah gambut untuk tanaman kelapa sawit dan usaha-usaha galakan pemasaran di pasaran tradisional dan pasaran-pasaran baru.

Mengenai soal biji benih kelapasawit, Kerajaan memang melaksanakan kawalan eksport yang ketat ke atas bahan-bahan tanaman kelapasawit. Tujuan utama kawalan ini adalah untuk memastikan negara mempunyai bekalan bahan tanaman yang mencukupi dan bermutu tinggi demi kemajuan sektor kelapasawit negara pada masa hadapan.

Mengenai isu penukaran tanaman getah kepada tanaman lain oleh pekebun-pekebun kecil, saya telah menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood berhubung dengan isu ini di Dewan yang mulia ini petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah jawapan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam.

#### 6.16 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Perkara-perkara yang dibangkitkan itu menunjukkan betapa minat dan perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan terhadap aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya. Semua saranan, perhatian dan cadangan yang dikemukakan itu akan diteliti dan sekiranya perlu serta sesuai, tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya dan agensi-agensi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu menyentuh perhatian yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim yang telah menyentuh beberapa

perkara mengenai perusahaan awam secara keseluruhan. Peranan perusahaan awam di negara ini yang dijadikan sebagai jentera pembangunan bukan sahaja terhad kepada aktiviti infrastruktur sahaja, tetapi juga meliputi kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial.

Sukalah saya menjelaskan bahawa pada masa ini di negara kita terdapat lebih daripada 1,088 perusahaan awam yang meliputi perusahaan awam peringkat Persekutuan, Negeri dan perusahaan awam yang ditubuhkan melalui Akta Syarikat serta anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Perusahaan-perusahaan awam tersebut bukan semuanya diletakkan pengawasannya di bawah Kementerian Perusahaan Awam, tetapi juga di beberapa Kementerian lain. Jumlah perusahaan-perusahaan awam yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam ialah 438 buah iaitu 13 Perbadanan Kemajuan Negeri, 3 Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri, 2 badan berkanun Persekutuan, 5 syarikat Kerajaan dan 415 syarikat-syarikat anak. Perusahaan-perusahaan awam ini melaksanakan berbagai aktiviti ekonomi seperti pelaburan, perdagangan di samping aktiviti pembangunan infrastruktur seperti perumahan, perkedaian, kawasan perindustrian dan juga pembangunan bandar-bandar baru seperti pembangunan tanah. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah digerakkan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana kegiatan perusahaan awam itu begitu meluas, maka penilaian ke atasnya perlulah dibuat secara yang munasabah bagi memberi gambaran ke atas sumbangannya kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Penilaian-penilaian yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelaburan

semata-semata dengan menekankan ke atas prestasi pelaburan melalui penubuhan syarikat, bukanlah merupakan satu gambaran yang adil dan menyeluruh.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perusahaan-perusahaan awam dan syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang mengalami kerugian. Adalah perlu diketahui mengapa syarikat-syarikat tersebut mengalami kerugian di samping melihat sejauh manakah sumbangan terhadap pencapaian matlamat sosio-ekonomi.

Dalam pada itu dunia perniagaan adalah mengandungi unsur-unsur risiko serta pertandingan yang tidak dapat tidak akan mengakibatkan sama ada keuntungan ataupun kerugian.

Pengesahan oleh Kementerian melalui sistem maklumat pengurusan Kementerian menunjukkan bahawa bagi tahun 1984 kira-kira 55.1% daripada syarikat-syarikat anak agensi-agensi di bawah Kementerian saya memperolehi keuntungan. Tambahan kepada itu sebanyak 16 buah syarikat yang mencapai prestasi cemerlang telah dipindahkan kepada Perbadanan Nasional Berhad (PNB) untuk ditempatkan ke dalam skim Amanah Saham Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia perniagaan unsur pertandingan adalah tidak dapat diketepikan. Pertandingan ini hendaklah dipandangkan secara objektif oleh kerana ianya merupakan unsur-unsur yang merangsangkan kecekapan dan keupayaan pengurus.

Kehadiran agensi-agensi awam tidaklah adil sekiranya disifatkan sebagai bertanding kepada bumiputera. Ini oleh kerana Perbadanan-perbadanan Awam khususnya PKEN-PKEN adalah bertindak sebagai penggerak, pengasas serta pemegang amanah

kepada kaum bumiputera dengan memainkan peranannya sesuai dengan konsep payung. Agensi-agensi yang tersebut adalah menekankan misalnya penyusunan semula masyarakat dengan diberi bantuan, latihan dan menambahkan pengalaman kaum bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian. Untuk ini di kalangan PKEN misalnya pengagihan dari segi penawaran kontrak telah pun dibuat. Dalam tahun 1984 misalnya dari jumlah \$573.35 juta nilai kontrak sebanyak \$463.65 juta adalah diperuntukkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Mengenai penswastaan pula, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi perusahaan awam. Beberapa projek telah pun dilaksanakan secara penswastaan yang telah digariskan oleh Kerajaan iaitu sama ada berbentuk penjualan, ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan, penyerahan pembangunan sesuatu projek untuk dilaksanakan oleh pihak swasta ataupun melaksanakan sesuatu projek dengan melibatkan pihak swasta iaitu secara usahasama.

Sebagai contoh, di dalam melaksanakan projek-projek penswastaan misalnya dalam penjualan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam sebanyak 56 syarikat awam telah pun dijual kepada pihak swasta sehingga bulan Jun, 1985. Dalam pada itu sebanyak 18 buah projek terdiri daripada projek-projek perumahan, perkeadaan dan pembangunan kawasan perindustrian telah pun diserahkan kepada pihak swasta untuk dilaksanakan sehingga tahun 1985 ini.

Di samping itu pula sebanyak 90 buah syarikat yang ditubuhkan oleh PKEN dan PKPN telah dijalankan secara usahasama oleh pihak swasta.

Dalam pelaksanaan dasar penswastaaan ini beberapa faktor telah pun diambilkira supaya menentukan peranan agensi-agensi awam itu selaras dengan matlamat negara terutamanya dalam Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai saranan bagi mengkaji fungsi dan tanggungjawab agensi-agensi awam sukaulah saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah sentiasa di dalam perhatian. Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu telah pun ditubuhkan bagi mengkaji peranan perusahaan awam ini. Majlis Tindakan Negara misalnya telah beberapa kali mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi awam bagi melihat prestasi masing-masing di samping memberi garis panduan mengenai langkah-langkah dan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat yang telah digariskan kepada agensi-agensi yang tersebut.

Berkaitan dengan saranan mengenai pengurus-pengurus syarikat perusahaan awam yang mementingkan perkara-perkara kepentingan diri, kurang inisiatif, pilih kasih, sombong dan sebagainya, perkara ini adalah merupakan saranan yang serius. Oleh yang demikian, sukacitalah saya meminta kerjasama Ahli Yang Berhormat itu bagi mengemukakan maklumat-maklumat secara yang objektif dan sahih kepada saya supaya tindakan-tindakan yang sesuai boleh diambil ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood dan Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said telah membangkitkan berkenaan beberapa aktiviti LPN khususnya operasi pembelian padi, sikap setengah-setengah kakitangan LPN, Kemudahan-kemudahan yang terdapat di kompleks-kompleks LPN, operasi penjualan beras dan syor

kepada LPN diletakkan di bawah Kementerian Pertanian.

Menjawab yang senang dahulu. Soalan di bawah Kementerian manakah LPN patut diletakkan, adalah hak budibicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bukannya Kementerian Perusahaan Awam yang menentukannya.

Berhubung dengan operasi pembelian padi oleh LPN, perlu saya tegaskan dari awalnya bahawa LPN membeli kesemua padi yang dijualkan kepadanya oleh petani-petani. Tidak kira sama ada LPN sanggup atau pun tidak. Masalah lori yang berderet-deret di atas jalan menunggu giliran untuk masuk ke kompleks dan masalah kemudahan-kemudahan di kompleks memang disedari oleh Kementerian Perusahaan Awam dan tindakan-tindakan telah pun dan sedang diambil oleh LPN untuk mengurangkan masalah ini yang berlaku semasa kemuncak musim menuai. Ini termasuklah melanjutkan masa pembelian hingga ke lewat petang dan pada hari-hari cuti am.

Pembelian di waktu malam tidak dapat dibuat oleh kerana kerja-kerja menggredkan padi sukar dibuat. Walau bagaimanapun, kakitangan-kakitangan LPN ada yang bertugas di waktu malam iaitu menjalankan operasi mengering dan mengisar padi untuk melegakan kawasan di dalam kompleks bagi simpanan padi yang akan dibawa masuk oleh lori-lori yang menunggu, juga bermaksud untuk mengurangkan lagi masalah ini LPN juga telah dan sedang menambah kemudahan-kemudahan menyimpan padi di kebanyakan kompleks-kompleksnya dengan membina tempat peneduh atau stor simpanan. Sehingga ini 108 buah telah dibina dengan kebolehan muatan sebanyak 108,000 tatr metrik. Kupayaan pengeringan padi juga telah ditambah dengan mengadakan lebih banyak lagi alat-alat moisture extraction units (MEU)



dan flat bed driers (FBD). LPN juga sedang mengkaji kemungkinan mendirikan pusat-pusat kecil ataupun regional depots yang akan berfungsi sebagai pusat belian dan pengeringan padi sebelum padi yang dibeli dihantar ke kompleks-kompleks LPN untuk disimpan dan diproses.

Berhubung dengan cadangan supaya LPN membina kompleks-kompleks baru, pembinaan kompleks-kompleks ini akan dapat dibuat berasaskan keperluan. Selain daripada itu tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi LPN juga sedang mencuba sistem pengendalian padi secara pukal di beberapa kompleksnya. Di bawah sistem ini padi yang dijual kepada LPN tidak lagi diisi ke dalam guni-guni tetapi terus dimuatkan di dalam lori-lori yang akan membawa ke kompleks LPN di mana alat-alat tertentu telah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan upah kasar padi yang dibangkitkan sememangnya sedang dilaksanakan oleh LPN dan bagi tahun ini sehingga bulan September sebanyak 138,542 tan metrik padi telah diupah kasar. Syarat-syarat yang dikenakan oleh LPN ke atas pengilang-pengilang yang menyertai skim ini adalah hasil persetujuan oleh kedua-dua pihak dan tidaklah boleh disifatkan sebagai terlampau berat.

Kementerian saya memandang berat di atas teguran-teguran yang dibuat di dalam Dewan ini berkenaan dengan sikap setengah-setengah kakitangan LPN terutamanya di kompleks-kompleks yang dikatakan tidak cekap, dan sebagainya. Seperti yang pernah ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan

Awam, pihak Kementerian tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang tidak cekap sekiranya ada bukti-bukti yang nyata. Oleh yang demikian saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Perlis ini akan mengemukakan maklumat-maklumat yang cukup kepada saya hasil daripada tindakan beliau menyamar yang sungguh berkesan sekali sehingga tidak ada orang yang kenal kepada beliau untuk memerhati tingkah laku kakitangan LPN yang berkenaan supaya tindakan seterusnya dapat saya ambil.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya menyentuh sedikit berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan berhubung dengan sistem penyimpanan beras LPN. Pada keseluruhannya kedudukan mutu beras dalam simpanan LPN adalah dalam keadaan yang memuaskan dan berumur kurang dari 6 bulan. Walau bagaimanapun terdapat sejumlah hasil baki beras China yang dibeli dalam tahun 1978 yang belum lagi habis dijual kerana kurang diminati oleh pengguna-pengguna di negara ini. Pemasaran beras-beras dalam simpanan LPN adalah mengikut sistem "first in first out (FIFO)."

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon maaf, masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyambung jawapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini pada jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 17hb Disember, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*